

19872

**A. Samad Idris et al. Luak tanah mengandung. Seremban:
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri dan
Kerajaan Negeri Sembilan, 1994.**

BAB 2

LUAK JEMPOL



**Dato' Haji Mohd Hashim b. Dato' Lela Raja Abdullah,
JP, PJK.**

Dato' Lela Putera Setiawan

(Penghulu Luak Jempol)



Dato' Ishak bin Ali
(Dato' Lela Raja)



Dato' Haji Hashim Musa
PPN, PIS.
(Dato' Maharaja Setia)



Dato' Haji Sani b. Ghafar
(Dato' Setia Raja)



Dato' Hj. Duaji Bakar
PJK
(Dato' Komo)



Dato' Md. Ahmad Daud
PJK
(Dato' Setia Pahlawan)




Dato' Md. Zin Paseh
(Dato' Setia Penghulu)



Dato' Sharif Talib
(Dato' Jengkaya)



Dato' Baharuddin Kidam
JP, PPN, PMC, PJK.
(Dato' Besar)



Dato' Hj. Sharif Idris
(Dato' Seri Pahlawan)



Dato' Hj. Hamzah Samah
(Dato' Umbi)



Dato' Ali Naam
(Dato' Shahbandar)

PENGHULU LUAK DAN LEMBAGA LUAK JEMPOL

- | | |
|---|---|
| 1. Dato' Lela Putera Setiawan
(Dt. Hj. Mohd Hashim Dato' Lela
Raja Abdullah, JP, PJK) | - Penghulu Luak Jempol
Suku Biduanda |
| 2. Dato' Lela Raja
(Dt. Ishak bin Ali) | - Suku Tiga Batu (1) |
| 3. Dato' Seri Amar Menteri
(Dt. Shahr Mansur) | - Suku Tanah Datar |
| 4. Dato' Maharaja Setia
(Dt. Hj. Hashim Musa) | - Suku Tiga Batu (2) |
| 5. Dato' Setia Raja
(Dt. Hj Sani b. Ghafar) | - Suku Tiga Batu (3) |
| 6. Dato' Komo
(Dt. Hj. Duaji Bakar, PJK.) | - Suku Mungkal |
| 7. Dato' Setia Penghulu
(Dt. Hj. Ahmad Daud) | - Suku Tiga Nenek |
| 8. Dato' Setia Pahlawan
(Dt. Md. Zin b. Paseh) | - Suku Seri Lemak Pahang |
| 9. Dato' Umbi
(Dt. Hj. Hamzah Samah) | - Suku Biduanda Waris |
| 10. Dato' Jengkaya
(Dt. Sharif bin Taib) | - Suku Seri Melenggang |
| 11. Dato' Besar
(Dt. Baharuddin b. Kidam
JP, PPN, PMC, PJK.) | - Suku Batu Hampar |
| 12. Dato' Seri Pahlawan
(Dt. Hj. Sharif b. Idris) | - Suku anak Aceh |
| 13. Dato' Sura
(Dt. Sharif b. Mahat) | - Suku Paya Kumbuh |
| 14. Dato' Paduka Tuan
(Dt. Abdul Kudus b. Hj. Harun) | - Suku Biduanda Waris |
| 15. Dato' Shahbandar
(Dt. Ali bin Naam) | - Suku Biduanda Waris |

LUAK JEMPOL

1. ASAL USUL LUAK

- 1.1. LUAK Jempol dinamakan sempena peristiwa tragis yang berlaku ke atas seorang gadis bernama Jampu. Gadis berkenaan anak kepada seorang To' Batin di Ulu Jempol bernama To' Pileh. Disebabkan gadis cantik jelita maka ramai pemuda menaruh hati terhadapnya untuk dijadikan isteri.

Pemuda-pemuda di Kampung Terentang sekitar kawasan Leban Condong berusaha untuk memenangi hati Jampu. Di kalangan pemuda-pemuda ini seorang daripadanya telah berjaya memikat hati Jampu. Akibatnya pemuda-pemuda lain merasa iri hati dan menaruh dendam. Salah seorang daripada pemuda tersebut menyebarkan fitnah kononnya Jampu melakukan perbuatan sumbang.

- (a) Sebagai ketua To' Batin Pileh terpaksa menjatuhkan hukuman kepada Jampu dengan tidak usul periksa. Jampu dijatuhkan hukuman dengan terjun ke dalam sungai yang disediakan ranjau buluh runcing mengikut peraturan To' Batin ketika itu. Bagi membuktikan dirinya tidak bersalah Jampu terjun ke dalam sungai yang telah dicancangkan ranjau buluh runcing di situ.

Sebaik sahaja tubuhnya jatuh ke atas ranjau yang disediakan, darahnya memercik hingga ke tebing sungai. Di tempat darahnya memercik itu hingga sekarang tidak di tumbuh rumput atau pokok-pokok. Sementara darah di tubuhnya pula mengalir di sepanjang sungai hingga sampai ke kuala dan masuk ke Sungai Muar.

- (b) Beberapa lama kemudian barulah To' Pileh menyedari anaknya Jampu tidak bersalah. Gadis itu hanya dianiaya oleh pemuda-pemuda yang iri hati disebabkan harapan mereka ditolak. Bagi mengingati kejujuran anak gadis yang tidak bersalah itulah To' Pileh menamakan sungai berkenaan dengan Sungai Jampu. Lagipun di sungai yang darahnya mengalir dari hulu hingga ke kuala itu ialah tempat Jampu mandi manda bersama kawan-kawannya iaitu di Leban Condong.

- 1.2 Semenjak itulah pula nama Luak berkenaan dikenali sebagai Jampu, dan lama kelamaan disebut orang 'Jempol'. Sumber cerita lisan orang tua-tua ini hampir menyerupai legenda Mahsuri di Pulau Langkawi. Di Kuala Sungai Jempol inilah pula terletaknya Penarekan iaitu jalan lalu-lalang perdagangan terpenting di antara Melaka dan Pahang sewaktu kegemilangan kerajaan Melayu Melaka kurun ke 15 dahulu.
- 1.3 Sekarang ini di Penarekan terletak istana Raja Muda Serting, dan nama tersebut kekal sampai masa kini. Kuala Sungai Jempol terletaknya Penarekan ini mengalir ke Sungai Muar. Kira-kira setengah batu jaraknya terdapat pula Sungai Serting yang mengalir masuk ke Sungai Pahang. Jalan inilah digunakan oleh pedagang-pedagang dari Melaka ke Pahang apabila mudik Sungai Muar dan merentas jalan darat setelah sampai ke Penarekan. Kemudian mereka turun ke Sungai Serting dan menghilir ke Sungai Pahang.
- 1.4 Sumber orang tua-tua di sini menyebut peristiwa Hang Tuah melarikan Tun Teja ke Melaka bukanlah mengikut jalan laut, tetapi melalui jalan sungai dan singgah di Penarekan. Malah di masa lalu pernah diusahakan untuk membuat terusan bagi menemukan Sungai Serting dan Sungai Jempol. Sekumpulan orang-orang Siam telah mengambil upah menggali parit untuk membuat terusan tersebut.
- 1.5 Sewaktu kerja-kerja membuat parit berjalan, orang-orang Siam ini menemui siput babi terlalu banyak. Mereka telah memakan siput babi menyebabkan semuanya keracunan dan mati beramai-ramai disitu. Peristiwa orang-orang Siam ini mati menyebabkan kerja-kerja membuat terusan tersebut dibatalkan. Hingga sekarang kesan parit yang digali oleh orang-orang Siam ini masih kedapatan lagi di antara Sungai Jempol dan Sungai Serting itu.
- 1.6 Penarekan yang terletak di Kuala Sungai Jempol masih kekal namanya hingga sekarang. Sekalipun Jempol tidak dikenali sewaktu pemerintahan kerajaan Melayu Melaka, tetapi bertumpu selepas kalah perang dengan Portugis pada 24 Ogos, 1511. Sultan Mahmud dan puteranya Sultan Ahmad juga berundur ke Jempol bersama Bendahara Paduka Tuan (Tun Muhammad bin Tun Perak, dikenali juga sebagai Bendahara Tepok dan Bendahara Lubuk Batu).
- 1.7 Dalam buku 'Sejarah Melayu' Tun Sri Lanang menuliskan peristiwa pembesar-pembesar Melaka berundur ke Jempol itu seperti berikut:

"... Maka Sang Setia pun mati; maka Pagoh pula alah. Maka Sultan Ahmad pun undur ke Ulu Muar, lalu ke Penarekan. Maka bendahara pun mati, di tanamkan orang di Lubuk Batu; itulah disebut orang Dato' Lubuk Batu..."

Sebuah kubur tua yang terdapat sekarang di Jambu Lapan berhampiran Lubuk Batu adalah dipercayai kubur Bendahara Paduka Tuan ini. Penghulu Luak Jempol sekarang, Dato' Haji Mohd. Hashim Abdullah bersama dato'-dato' lembaga di sini mengakui kubur tua tersebut adalah kubur seorang pembesar Melayu.

Dua kali Sungai Jempol dilanda bah besar tetapi kubur tua ini tidak ditenggelami air sekalipun kedudukannya di lembah. Dato' Haji Mohd Hashim mengesahkan kubur berkenaan hanya dikelilingi air sahaja sewaktu bah tersebut.

2. SEMPADAN LUAK

- 2.1 Luak Jempol salah satu daripada lima luak yang meliputi Luak Tanah Mengandung. Di samping Penghulu Luak Jempol ketua pemerintah beradat, diwujudkan pula pesaka Raja Muda Serting di luak berkenaan. Raja Muda Serting ini bersemayam di Penarekan. Sempadan luak ini disebutkan dalam perbilangannya:

Batas Muar, sepanjang Sungai Muar

Batas Jempol, sepanjang Sungai Jempol

Batas Johol, sepanjang Sungai Jelai

- 2.2 Dengan ini sempadan luak Jempol seperti dicatatkan di Balai Penghulu Luak Jempol meliputi kawasan bahagian hulu sungai hingga ke kuala Sungai Jempol: Anak Ayer Lonek ke Bukit Mempinas, Batu Sawa ke Jeram Panjang memotong Sungai Muar ke Simpang Palong Jeram Panjang, mudik ke Batu Menonggol sempadan Pahang. Johor: Lubuk Serampang terus ke Kuala Lui, Bukit Batu Beras, Bukit Pasong, Simpang Pertang, Langkap-Guntur termasuk: Tengkek, Padang Lebar, Keru, Jerjak, Sungai Jelutong, Seri Melenggang, Sungai Talan,

Bukit Sempit, Batu Kikir, Serting Ulu, Serting Hilir, Kuala Jempol, Bahau, Ayer Hitam, Bayai dan lain-lain.

- 2.3 Tahun 1830-an sewaktu Penghulu Luak Dato' Hassan memegang pesaka berlaku perbalahan dengan Undang Luak Jelebu mengenai sempadan luak masing-masing. Undang Luak Jelebu mendakwa Kampung Bukit di Ulu Jempol termasuk dalam Luak Jelebu. Apabila Undang Luak Jelebu ditabalkan, beliau akan ditabalkan sekali lagi di Kampung Bukit. Dato' Penghulu Hassan pula berkeras mahukan Kampung Bukit termasuk dalam Luak Jempol.
- 2.4 Penghulu Luak Jempol telah membina benteng sepanjang sawah dari Terentang hingga ke Batu Kikir yang dikenali sebagai 'kubu Jelebu' bagi menghadapi tentangan Undang Luak Jelebu ini. Bagaimanapun orang-orang di Jempol mengejeknya sebagai 'kubur Jelebu'. Tidak berlaku peperangan di antara kedua pihak setelah Undang Luak Jelebu mengambil keputusan mengiktiraf hak Luak Jempol ke atas Kampung Bukit.
- 2.5 Krisis sempadan berlaku lagi diantara To' Batin Rendang dengan waris Pahang bernama Abdullah Kanchil. Penyelesaian mengenai krisis sempadan ini menyebabkan Residen British ketika itu Martin Lister (1895-1897) terpaksa campur tangan. Satu perjumpaan diadakan di Sungai Lui dengan disaksikan sendiri oleh Martin Lister bagi menyelesaikan krisis sempadan ini.
- 2.6 Berlakunya krisis sempadan disebabkan perebutan hasil cukai daripada orang-orang Asli. Sungai Talan yang terletak di Ulu Jempol merupakan dusun yang didakwa di bawah pentadbiran To' Sialang Puteh. Beliau sudah pun menyerahkan Sungai Talan kepada Batin Itai dari Jelebu yang membuat penempatan di Langkap.
- 2.7 Masalah sempadan ini berlanjutan sehingga tahun 1928 sewaktu To' Batin Layar menyandang pesaka To' Sialang Puteh. Surat menyurat mengenai hak ke atas dusun orang-orang Asli di Pelangai juga diteruskan hingga sekarang oleh penyandang pesaka To' Sialang Puteh. Ibrahim bin Amin menyandang pesaka To' Sialang Puteh pernah menulis surat bertarikh 28 Ogos, 1956, begitu juga dengan surat To' Batin Layar kepada Pegawai Daerah Kuala Pilah bertarikh 28 Disember, 1932.

- 2.8 Pengakuan Residen British, JSN Hughes dalam suratnya kepada To' Batin Layar bertarikh 1 Disember, 1935 melalui Pegawai Daerah Kuala Pilah mengenai hak di kawasan hutang Pelangai adalah kemenangan moral kepada Luak Jempol dalam usaha menentukan sempadan luaknya.

Dalam surat tersebut ditegaskan, tidak membenarkan tanah terbabit diukur untuk dikeluarkan geran. Tetapi anak-anak buah To' Batin Layar boleh mengambil hasil dan memajukan pokok buah-buahan di dalam dusun mereka yang termasuk dalam kawasan hutan simpan kerajaan.

3. PENEROKA AWAL

- 3.1 Tempat mula-mula ditemui oleh peneroka-peneroka Minangkabau yang datang ke Luak Jempol dipercayai di Jambu Lapan apabila mereka mudik Sungai Muar hingga sampai ke Penarekan. Catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol mengenai kedatangan orang-orang Minangkabau ini seperti berikut:

"... Bermula daripada empat keluarga iaitu empat suku kaum datang ke Melaka dan seterusnya ke Batang Tiga daripada Minangkabau. Empat suku tersebut ialah:

1. Suku Seri Melenggang diketuai oleh Juara Megat
2. Suku Tiga Batu diketuai oleh Susu Labuh
3. Suku Tanah Datar, tidak diketuai ketuanya
4. Suku Mungkal tidak diketuai ketuanya.

Peneroka daripada suku Seri Melenggang menetap di Tanah Bisa yang kemudiannya dipanggil negeri Naning. Kemudian Siti Awan daripada keturunan suku tersebut berhijrah ke Anak Air Songsang di Jempol. Suku Tiga Batu pula meneroka di Lubuk Kepung di mana anak perempuannya Susu Labuh menetap di Pulau Sebang. Anak perempuannya berpindah dari Pulau Sebang ke Kuala Sungai Sialang di Jempol.

Suku Tanah Datar pula berpindah ke Jumbang di Seri Menanti. Anak cucu mereka inilah berpindah ke Sungai Petaling

di Jempol. Sementara suku Mungkal mula bertapak di Tanjung Bidara di mana beberapa keluarga mereka berpindah ke Majau di Jempol.

Sewaktu kedatangan orang-orang Minangkabau wilayah berkenaan belum lagi dikenali sebagai Jempol. Kawasan hiliran dari Titian Teras dinamakan Sungai Kedondong dan kawasan sebelah hulu dipanggil Leban Condong Tupai Batuk. Pokok leban yang dijadikan nama asal ialah dari Kuala Tapak...”

- 3.2 Wilayah Jempol yang diteroka oleh orang-orang Minangkabau seperti catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol ini, pusat pemerintahannya di masa itu ialah Penarekan di Kuala Jempol dan Titian Teras di Hulu Jempol. Penarekan dikenali dengan nama Serting sekarang ini, adalah jalan perhubungan utama di antara kerajaan Melayu Melaka dan Pahang. Di zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka kedudukan Penarekan amat terkenal kepada pedagang-pedagang ketika itu.

Titian Teras yang terletak di Hulu Jempol pula menjadi tempat persinggahan jalan darat dari Jelebu ke Pahang. Disebabkan jalan laluan penting bagi orang-orang Jelebu ke Pahang menjadikan Titian Teras tempat persinggahan mereka, hingga disebut orang bahawa: Jempol serambi Jelebu.

- 3.3 Di masa lampau apakala upacara adat diadakan di istana, Undang Jelebu datang ke Seri Menanti adalah melalui Jempol. Beliau akan disambut oleh lembaga terkanan luak Ulu Muar dan Luak Jempol sebelum mengadap ke istana.

Di samping empat suku orang-orang Minangkabau terdapat juga rombongan yang membuat penempatan di Merbau Seratus (Pasir Besar) terlebih dahulu sebelum mudik hingga sampai ke Penarekan. Di kawasan yang mereka terokai itu memang sudah didiami oleh anak tempat suku kaum Orang Asli. Hubungan mereka dengan anak tempatan terjalin melalui semenda menyemenda.

4. MENJEMPUT PENGHULU

- 4.1 Apabila Luak Jempol semakin ramai penduduknya mereka berkehendakkan seorang penghulu sebagai ketua. Tiga orang

wakil penduduk itu To' Pengeran, To' Maliga, dan To' Poyang telah diutus mengadap ke Balai Undang Luak Johol bagi mendapatkan seorang yang berketurunan daripada waris cucu Biduanda untuk dijadikan penghulu.

Undang Luak Johol bersetuju melantik seorang perempuan daripada warisnya menjadi penghulu di Jempol. Keputusan Undang Luak Johol ini tidak dipersetujui oleh tiga orang wakil penduduk Jempol berkenaan. Mereka mahukan seorang waris di kalangan lelaki menjadi ketua.

- 4.2 Bagi memenuhi permintaan wakil penduduk-penduduk Jempol, Undang Luak Johol menggantikan pula dengan seorang keturunan waris Biduanda yang tinggal di Pasir Besar bernama Daim. Bagaimanapun ketika ini Daim masih kecil lagi. Mereka bertiga bersetuju menerima Daim, sekalipun beliau masih kecil. Menjemput penghulu ke Johol ini seperti catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol seperti berikut:

"... Tiga orang wakil iaitu To' Pengeran, To' Maliga dan To' Poyang telah diutus mengadap ke Johol berkehendakan seorang daripada waris suku Biduanda untuk dijadikan penghulu. Pada mulanya mereka dianugerahkan seorang perempuan. Penghulu perempuan itu dikembalikan. Kemudian barulah mereka mendapat seorang waris yang tinggal di Pasir Besar bernama DAIM, ibunya bernama PATAM, suku Biduanda juga.

Tatkala Penghulu Daim sampai ke Jempol, dia masih kecil lagi, yang demikian pesaknya dipangku oleh To' Pengeran. Oleh mengenangkan jasa ketiga orang dato'-dato' berkenaan maka mereka telah dikurniakan gelaran masing-masing:

- i) To' Pengeran bergelar DATO' LELA RAJA sebagai Pemangku Penghulu Jempol.
- ii) To' Maliga bergelar DATO' SAMA MENTERI, dan
- iii) To' Poyang bergelar DATO' MAHARAJA SETIA menjadi tumpuan dato'-dato' lembaga.

Sebagai tanda budi bahasa, perlantikan ketiga-ketiga dato' berkenaan termasuk juga perlantikan Penghulu Luak Jempol

pada mulanya dahulu disah dan disembahkan ke Johol. Bahkan perhubungan kedua luak ini sebelum kedatangan Yamtuan ke Seri Menanti adalah sangat rapat.

Setelah kedatangan Yamtuan ke Seri Menanti kedudukan Penghulu Luak Jempol dikenali dengan panggilan DATO' PENGHULU LUAK TANAH MENGANDUNG' bersama dengan Penghulu Luak Ulu Muar, Penghulu Luak Gunung Pasir dan Penghulu Luak Terachi.

Penghulu Luak Tanah Mengandung itu maksudnya keempat-empat penghulu itulah yang mengandungkan Yamtuan di Seri Menanti. Fahaman ini sampailah ketika orang-orang Inggeris mencampuri pemerintahan Negeri Sembilan tahun 1895...".

- 4.3 Hubungan Luak Jempol dengan Johol berterusan semenjak Daim menyandang pesaka Penghulu Luak, sehingga campur tangan Inggeris ke atas pemerintahan di Negeri Sembilan. Bagaimanapun hubungan itu renggang sedikit dalam tahun 1926 setelah berlaku salah faham di antara kedua belah pihak. Sebagai salah satu daripada Penghulu Luak Tanah Mengandung, 'Dato' Jempol ditugaskan mendirikan adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti yang menyebabkan hubungannya terus ke istana.
- 4.4 Tahun 1926, Undang Luak Johol ialah Dato' Kamat bin Haji Sulaiman. Tidak pula dicatatkan punca krisis tersebut. Bagaimanapun hubungan dengan Johol tidak pernah terputus. Mengikut catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol hubungan di antara kedua luak tersebut disebutkan begini:

"... Kedua-dua peneroka asal dari Minangkabau juga dilantik penghulu; jangkakan lantikan dari pemerintah Johol kerana lantikan ini hingga sekarang 'berpesaka' di Johol. Mereka akan merafak hormat kepada Dato' Johol dan jikalau ada apa-apa persengkitaan, Dato' Johol mempunyai kuasa penuh melantik dan menghakim di mana keputusannya adalah muktamad.

Ahli-ahli 'lembaga' daripada sepuluh suku di Jempol tiada suara di dalam pemilihan kedua-dua pegawai tersebut. Perlantikan kedua-dua pegawai adalah dibuat terdahulu daripada sepuluh pegawai di atas dan juga 'bertali' ke Johol.

Pegawai Jempol bergelar Lela Raja dan pemegang adat adalah lembaga daripada suku Tiga Batu. Panglima Sutan Kebesaran bergelar Seri Amar Menteri dan beliau ialah lembaga suku Tanah Datar. Lela Raja digelar 'anak Dato' Johol' dan akan kekosongan. Beliau ialah ketua bagi dua belas suku yang menganggotai ahli lembaga Jempol.

Di balairong seri pemerintah Johol, Dato' Penghulu Jempol ialah 'haluan sembah' dan menjadi perantaraan di antara Jempol dan Johol. Sri Amar Menteri di gelar 'Anak Dato' Jempol". Beliau ialah 'haluan sembah' di balai Penghulu Jempol. Melalui beliau sepuluh ketua suku yang menjadi 'ahli lembaga' mengadap Penghulu Jempol..."

- 4.5 Berdasarkan catatan ini krisis tahun 1926 di antara Undang Luak Johol Dato' Kamat dengan Penghulu Luak Jempol tidaklah menjejaskan hubungan kedua-dua luak berkenaan. Kedudukan Dato' Lela Raja sebagai ANAK DATO' JOHOL menunjukkan pertalian dua luak ini tidak boleh dipisahkan. Masalah yang berlaku di Jempol akan diselesaikan di balai Dato' Johol juga.
- 4.6 Sebenarnya hubungan antara Jempol dan Johol adalah daripada pertalian sejarahnya dalam membentuk pentadbiran beradat. Fakta ini berdasarkan kepada catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol iaitu:

"... Daim telah dilantik Penghulu Jempol kerana beliau adalah waris daripada Dato' Johol mempunyai waris pesaka perut Bendahara Sekudai dari Pasir Besar. Penghulu Daim telah dilantik sebagai Dato' Jempol dan ditabalkan di Sungai Kandong (Terentang). Beliau dianugerahkan dengan tombak kebesaran memegang kuasa penghulu dengan gelaran Dato' Lela Putera Setiawan.

Seperti yang direkodkan, pengganti bagi penghulu datangnya daripada satu 'perut' dan tiada wujud sistem penggantian kuasa mengikut pusingan. Perlantikan To' Paduka Tuan, ketua waris Jempol datangnya dari perut yang sama ..."

5. GELARAN PENGHULU

- 5.1 Penghulu Luak Jempol menjadi ketua pemerintah adat dan agama di Luak Jempol. Di bawah penghulu diperkuatkan dengan dato'-dato' lembaga yang mengetuai suku masing-masing, manakala buapak tempat tumpuan 'perut' yang terdapat dalam tiap-tiap suku berkenaan.


Gelaran penghulu luaknya ialah DATO' LELA PUTRA SETIAWAN dilantik daripada waris Biduanda yang berhak menyandang pesaka. Mereka yang menyandang pesaka ditetapkan daripada keturunan Patam. Dalam catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol menyebut:

"...Pesaka Dato' Penghulu Jempol itu kesemuanya terdiri daripada waris Biduanda yang berasal dari keturunan Patam seperti disebutkan. Keturunan Patam melahirkan tiga moyang iaitu:

1. *To' Nyai Uban (berkahwin dengan Tengku Alang Husin IbnI Yamtuan Hitam, Seri Menanti)*
2. *To' Tarum*
3. *To' Mayam*

Waris yang berhak untuk menjadi Penghulu Luak Jempol adalah terdiri daripada keturunan Moyang To' Tarum dan Moyang To' Mayam sahaja. Akan keturunan To' Nyai Uban telah mendapat hak keistimewaan dari Yamtuan Seri Menanti..."

Keistimewaan yang diberikan kepada To' Nyai Uban ialah anaknya Tengku Omar dilantik oleh Yamtuan Besar menjadi RAJA MUDA SERTING. To' Nyai Uban ini ialah anak saudara kepada Dato' Penghulu Daim. Salasilah keturunan bagi penyandang pesaka Penghulu Luak Jempol Seperti berikut:



- 5.3 Dato' Daim yang dilantik menjadi Penghulu Luak Jempol adalah daripada waris Dato' Johol dan mempunyai pertalian pesaka dengan perut Bendahara Sekudai. Berasal dari Pasir Besar, Dato' Daim mendirikan balainya di Sungai Kandong (Terentang). Di sebabkan beliau mendirikan balainya di sinilah sebatang anak air di situ dipanggil orang Anak Air Penghulu.

Seperti yang direkodkan, pengganti penghulu datangnya dari satu 'perut' sahaja. Oleh itu tidak pernah wujud sistem perantikan di luak-luak yang lain. Senarai penyandang pesaka Penghulu Luak Jempol yang direkodkan setakat ini adalah seperti berikut:

1. Dato' Penghulu Daim
2. Dato' Penghulu Chap
3. Dato' Penghulu Rial
4. Dato' Penghulu Matik
5. Dato' Penghulu Hassan (1839 - sebelum Newbold)

6. Dato' Penghulu Johan
7. Dato' Penghulu Shukor (1916 -)
8. Dato' Penghulu Abdul Wahab bin Hj. Ibrahim
9. Dato' Penghulu Haji Sulaiman b. Abdullah (sehingga 1981)
10. Dato' Penghulu Haji Mohd Hashim b. Abdullah, JP, PJK
(Penghulu sekarang, tarikh dilantik 3 Januari 1984)

5.4 Ketua Waris Jempol bergelar TO' PADUKA TUAN dilantik menyandang pesaka daripada perut yang sama dengan Penghulu Luak Jempol. Fungsinya untuk mentadbirkan puak Waris bagi orang laki-laki. Ketua bagi 'waris perempuan' pula mengikut catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol ialah:

"...Ketua bagi 'waris perempuan' bergelar SHAHBANDAR. Perlantikannya bukan mengikut waris keturunan, tetapi melalui perkahwinan. Dato' Shahbandar ialah suami waris perempuan. Bagaimanapun cuma tiga keluarga sahaja yang berhak menyandang pesaka daripada kalangan suami waris perempuan. Mereka ialah:

1. Keturunan TARUM dan MAYANG.
2. Keturunan anak saudara perempuan Penghulu Luak yang pertama
3. Keturunan daripada perut Bidai.

Keturunan daripada perut BIDAI tidak dapat ditimbulkan asal usulnya tetapi masih boleh dikira berhak menyandang pesaka. Perlantikan hanya daripada waris perempuan dan tidak wujud giliran yang ditetapkan dan semua carak mempunyai peluang untuk dilantik mengikut proses pemilihan. Walaupun Shahbandar sekarang datangnya dari perut Mayam, tetapi beliau dilantik kerana berkahwin dengan perempuan dari perut Bidai,...."

5.5 Di samping To' Paduka Tuan dan Shahbandar, seorang lagi penyandang pesaka waris Biduanda ini bertaraf buapak ialah

TO ' PANGLIMA GARANG. Pesaka ini juga dilantik daripada kalangan waris perut yang sama. Mereka yang pernah menyandang pesaka TO' PADUKA TUAN iaitu 'Ketua waris suku' ialah:

1. Johor (Keturunan Tarum)
2. Jalal (Keturunan Tarum)
3. Sail (Keturunan Mayang)
4. Nordin (Keturunan Tarum)
5. Ismail bin Abdul Rahman (Keturunan Mayang)
6. Haji Mohd Noh bin Mohammad (Keturunan Mayang)
7. Abdul Kudus bin Hj. Harun (Keturunan Mayang)

5.6 Sementara penyandang pesaka SHAHBANDAR iaitu suami kepada perempuan daripada waris yang berhak ialah:

SHAHBANDAR	Isteri, daripada waris tiga keluarga yang berhak
<ol style="list-style-type: none"> 1. Itam 2. Noh 3. Jali 4. Ghafar 5. Kadir 6. Jatin 7. Ali 8. Haji Mohd Noh (catatan Nathan dan Winstedt sehingga tahun 1920) 9. Haji Omar 10. Haji Hashim b. Abdullah (meletakkan jawatan Pesaka) 11. Ali bin Naam (sekarang) 	<p>Tiomas Sarah Reno Lambu Yuyi Limah Riba (tak diketahui)</p> <p>selepas ini tidak ada catatan mengenai isteri mereka.</p>

6. BIDUANDA MENDATANG

- 6.1 Kedapatan lima kumpulan penghijrahan ke Luak Jempol yang berkedim dengan waris Penghulu, kemudiannya diberi pesaka sebagai pegawai di Balai Penghulu Luak Jempol. Tugas mereka dimasa lalu ialah sebagai pembakar lamat (meriam) dan mengatur kelengkapan adat istiadat di balai. Mereka inilah ditetapkan sebagai suku Biduanda Mendatang.
- 6.2 Di dalam rekod yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol, mereka ini berhijrah dari Johol, Pahang, Pulau Pinang dan Muar/Johor. Disebabkan mereka tidak mempunyai suku, maka waris Penghulu menerima 'berkedim' ke dalam suku Biduanda di bawah naungan Penghulu Luak sendiri. Mereka juga diberi pesaka bagi mengetuai perut masing-masing, iaitu:
1. To' Kaya Menteri - Tidak diketahui berhijrat dari mana.
 2. To' Jegarang - Berhijrah dari Johol
 3. To' Gompo - Berhijrah dari Pahang
 4. To' Duka Menteri - Berhijrah dari Pulau Pinang
 5. To' Gompo Muda - Berhijrah dari Muar/Johor.

7. COP MOHOR

- 7.1 Penghulu Luak Jempol dikurniakan 'cop mohor' sama seperti penghulu-penghulu luak yang lain yang dikurniakan oleh Sultan Johor. Seperti dijelaskan dalam catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol ialah:

".....Pada masa ini kita dapati lagi dalam simpanan Dato' Penghulu Jempol sebuah 'COP MOHOR' kurniaan Sultan Johor. Menurut ceritanya kurniaan ini adalah sebagai membalas jasa taat setia Dato' Jempol kepada Yamtuan Antah yang lari berlindung ke Johor tahun 1874. Tatkala baginda kalah dalam peperangan 'Bukit Putus' dengan Sungai Ujong yang dibantu oleh Inggeris. Dato' Jempol tidak mahu tunduk dan mengaku kalah kepada Sungai Ujong....."

- 7.2 Pengaruh Johor ke atas Negeri Sembilan berterusan sekalipun Raja Melewar sudah menaiki takhta sejak tahun 1773. Semua pengulu-penghulu luak selepas Raja Melewar menaiki takhta mengakui menerima cop mohor dari Sultan Johor. malah perjanjian yang ditandatangani pada 23 November, 1876 bagi menamatkan perang Yamtuan Antah dan Dato' Kelana Putra Syed Aman fasal 6 menyebut:

".....Sebagai pula kita berikrar di dalam sesuatu perbantahan atau kesusahan yang berbangkit di antara negeri-negeri kita itu mana-mana yang tidak kita menyelesaikan dia, maka hendaklah kita memohon dan menerima pengajaran Yang Maha Mulia Maharaja Johor itu adanya....."

Perjanjian 23 November 1876 itu adalah bukti bahawa kekuasaan Johor ke atas NEGERI SEMBILAN masih wujud, sekalipun penghulu-penghulu luak sudah menjemput raja dari Minangkabau. Ini juga membuktikan ikatan dengan pemerintah Johor selaras dengan perbilangan:

Beraja ke Johor

Bertali ke Siak

Bertuan ke Minangkabau.

8. LEMBAGA DAN BUAPAK

- 8.1 Ketika Dato' Penghulu Daim menjadi penghulu pemerintah di Seri Menanti ialah Yamtuan Melewar (1773 - 1795) dan Undang Luak Johor Dato' Rambutuan Jantan (1790 - 1810). Fakta tarikh ini bersesuaian dengan berlakunya perkahwinan cucu Yamtuan Melewar, Tengku Alang Husin dengan anak saudara Penghulu Daim iaitu Nyai Uban.

Bermula dari tarikh ini juga Luak Jempol mula mengatur pentadbiran adat dengan menyusun dato' lembaga tiap-tiap suku, dan buapak tiap-tiap perut. Ada 10 suku dengan 12 dato' lembaga di Luak Jempol. Suku dan gelaran lembaganya seperti berikut:

Nama Suku	Gelaran lembaganya
1. Tiga Batu (1)	Dato' Lela Raja
2. Tanah Datar	Dato' Seri Amar Menteri
3. Tiga Batu (2)	Dato' Maharaja Setia
4. Tiga Batu(3)	Dato' Setia Raja
5. Mungkal	Dato' Komo
6. Tiga Nenek	Dato' Setia Penghulu
7. Seri Lemak Pahang	Dato' Setia Pahlawan
8. Biduanda Waris	Dato' Umbi/Dato' Dio
9. Seri Melenggang	Maharaja /Dato' Bentara
10. Batu Hampar	Dato' Raja Senara/Dato
11. Anak Acheh	Jengkaya
12. Paya Kumbuh	Dato' Besar
	Dato' Seri Pahlawan
	Dato' Sura

8.2 Disebabkan suku Tiga Batu terbahagi kepada tiga, maka jumlah suku sebenarnya di Luak Jempol ialah 10 sahaja. Ketiga-tiga suku ini adalah dari jurai keturunan To' Pengeran utusan yang menjemput Penghulu Luak. Bagaimanapun kedudukan suku Tiga Batu (1) dikenali sebagai suku TIGA BATU LELA RAJA adalah terkanan di kalangan dato'- dato' lembaga.

8.3 SUKU TIGA BATU (LELA RAJA)

8.3.1 To' Pengeran yang mengetuai utusan menjemput Penghulu Luak ke Johol adalah daripada suku Tiga Batu. Beliau dianggap 'anak Dato' Johol' dan diberi gelaran Dato' Lela Raja. Bagi mengenangkan jasanya pesaka Dato' Lela Raja juga akan memangku pesaka Penghulu Luak apakala berlaku kekosongan.

Ketika Penghulu Daim dibawa ke Jempol beliau masih kecil lagi. Oleh itu To' Pengeran memangku jawatannya sehingga beliau dewasa. Bermula dari urutan sejarah inilah Dato' Lela Raja memangku pesaka Penghulu Luak apabila berlaku kekosongan.

8.3.2 Tiga perut terlingkung dalam suku berkenaan iaitu Kampung Birah, Masjid Lama dan Kuala Silang. Gelaran buapaknya ialah : To' Senara Sakti, perut Kampung Birah, To' Pengeran, perut Masjid Lama, dan To' Nara Garang, perut Kuala Sialang. Mereka yang menyandang pesaka Dato' Lela Raja ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' LELA RAJA		
Perut	Kg. Birah	Masjid Lama	Kg. Sialang
Penyanggand secara kronologi	6. Sidek 10. Sihat 11. Sidik 14. Ishak b. Ali	4. Ajed 5. Ajap 7. Ijau 12. Dolah	1. Pengeran 2. Diwan 3. Samah 8. Lodeng 9. Manggis 13. Hj. Ahmad b. Ibrahim

8.3.3 Selain daripada buapak tiap-tiap perut mempunyai ORANG BESAR WARIS (Pegawai 99), TUA WARIS (Penolong buapak) dan SOKO (wakil perempuan kepada buapak). Susunan mereka yang memegang pesaka sekarang ini mengikut catatan yang disahkan oleh Dato' Lela Raja Ishak bin Ali, seperti berikut:

Perut Kampung Birah

- | | | |
|---------------|---|---|
| 1. Buapak | - | TO' SENARA SAKTI
(Hj. Sharif b. Ali) |
| 2. Pegawai 99 | - | TO' MEMPERANG
(Alias b. Rantau) |
| 3. Tua Waris | - | Yusof b. Rashid |
| 4. Soko | - | Hjh. Mahawa bte Nahu |

Perut Masjid Lama

- | | | |
|-----------------------------------|---|---|
| 1. Buapak | - | TO' Pengeran
(Hj. Abdul Rahman
Hj. Ibrahim) |
| 2. Tua Waris | - | Hj. Yusof b. Zakaria |
| 3. Soko
(tidak ada Pegawai 99) | - | Rabiah bte Zakaria |

Perut Kuala Sialang

- 1. Buapak - TO' NARA GARANG
(Adam b. Maakir)
- 2. Pegawai 99 - TO' DUKA SAMA RAJA
(Abd. Ghani b. Doyok)
- 3. Tua Waris - Hj. Sulaiman b. Ahmad
- 4. Soko - Besah bte Othman.

8.4 SUKU TANAH DATAR

8.4.1 To' Meliga salah seorang daripada utusan yang menjemput Penghulu Luak ialah dari suku Tanah Datar. Kedudukannya sebagai 'haluan sembah' dan dianggap 'anak Dato' Jempol'. Gelaran lembaganya ialah DATO' SERI AMAR MENTERI, dengan dua perut terlingkung di dalam suku ini. Perut ini ialah: Lonek (Kuala Jempol), buapaknya TO MELANA HAKIM, dan Terentang (Ulu Jempol) dengan buapaknya TO' MELANA LEBAI.

8.4.2 Suku ini juga mempunyai dua orang Pegawai 99, Tua Waris dan Soko. Mereka yang pernah menyandang pesaka DATO' SERI AMAR MENTERI ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO SERI AMAR MENTERI	
Perut	Lonek	Terentang
Penyandang secara kronologi	1. To' Melinga (Panglima Sutan Kebesaran) 2. Langgai 3. Lajong 4. Bahai 5. Jamil 9. Hj. Muhamad b. Tupin	6. Mondok 7. Lateh 8. Sukor 10. Shaar b. Mansur

8.5 SUKU TIGA BATU (MAHARAJA SETIA)

8.5.1 To' Poyang adalah diantara tiga utusan menjemput Penghulu Luak berasal dari suku Tiga Batu juga. Oleh itu beliau diberi gelaran Dato' Maharaja Setia dengan kedudukan sebagai lembaga juga. Maka suku Tiga Batu di bawah carak To' Poyang ini dikenali sebagai TIGA BATU MAHARAJA SETIA. Terdapat empat perut terlingkung di dalam suku yang diketuai oleh empat orang buapak.

8.5.2 Perut yang terlingkung dalam suku ini ialah: Perut Lonek, buapaknya TO' ORANG KAYA BONGSU, perut Keru, buapaknya TO, BAGINDA MUDA, Perut Kampung Tengah, buapaknya TO' ORANG MUDA, dan Perut Kuala Jempol, buapaknya TO' BAGINDA.

8.5.3 Dua tokoh dilantik ORANG BESAR WARIS atau Pegawai 99 sebagai orang istana dari suku ini bergelar: TO' JOFONSO, dan TO' KANDO. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Maharaja Setia, seperti berikut:

Gelaran Pesaka	DATO' MAHARAJA SETIA			
Perut	Lonek	Keru	Kg. Tengah	Kuala Jempol
Penyandang secara kronologi	1. Abit 2. Tedok 4. Sulan 8. Abdul Ghani	3. Susun	5. Kamat 7. Yatim 9. Ludin Husin	6. Samah 10. Hj. Hashim b. Musa

8.5.4 To' Poyang tidak menyandang pesaka ini sekalipun gelaran tersebut di berikan kepadanya selepas ke Johol bersama To' Pengeran dan To' Meliga menjemput Penghulu Luak. Bagaimanapun Abit yang menjadi penyandang pesaka yang pertama adalah keturunan suku Tiga Batu carak To' Poyang ini.

8.6 SUKU TIGA BATU (SETIA RAJA)

8.6.1 Pecahan ketiga suku Tiga Batu ini dikenali sebagai 'TIGA BATU SETIA RAJA'. Terdapat tiga perut dalam lingkungan suku berkenaan, dua orang buapak, dua Besar Waris (Pegawai 99) dan Tua Waris (Pembantu buapak). Perut yang terlingkung dalam suku ini termasuklah:

1. Perut Majau
2. Perut Lonek
3. Perut Pulau.

8.6.2. Gelaran lembaganya DATO' SETIA RAJA, dengan buapaknya TO' SENARA MUDA bagi perut Majau dan Pulau, TO' JANGKAYA bagi perut Lonek, di samping Orang Besar Waris (Pegawai 99) bergelar: TO' GINDARAJA, dan TO' LAKMANA. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Setia Raja ini terdiri daripada;

Gelaran Pesaka	DATO' SETIA RAJA		
Perut	Majau	Lonek	Pulau
Penyandang secara kronologi	1. Bahar 2. Bayak 6. Hj. Sani Ghafar	3. Kulup Yusuf 4. Kenok	5. Abu

8.7 SUKU MUNGKAL

8.7.1 Lembaganya bergelar DATO' KOMO. Tiga perut terlingkung dalam suku ini iaitu: Perut Pauh, Perut Bintongan, dan Perut Keru. Bagi perut Keru anak buahnya paling ramai sekali dan meneroka kampung halaman yang berselerak. Mereka meneroka Kampung Keru, di Kampung Bukit Tapak sekarang ini juga terdapat di Kampung Terentang bertali ke Bayai.

8.7.2 Rombongan suku Mungkal dari Pulau Sebang, Tampin: Adalah dianggarkan dalam pertengahan kurun ke 18 serombongan

suku Mungkal dari Pulau Sebang, Tampin yang diketuai oleh Moyang Suhur dan isterinya bernama Pauh, datang meneroka di Kampung Majau, Ulu Jempol. Kedatangan rombongan berkenaan diceritakan sambung bersambung oleh keturunan mereka, dan salah seorang daripadanya masih hidup lagi sekarang ialah Haji Saidin bin Jalil berumur lebih seratus tahun.

- 8.7.3 Rombongan tersebut telah meneroka dan membahagi-bahagikan tanah penempatan kepada anak-anak buahnya. Bagi mengenangkan jasa Moyang Suhur mereka telah melantiknya menjadi ketua di situ. Apabila suku-suku dua belas wujud, maka dengan sendirinya Moyang Suhur menjadi dato' lembaga suku Mungkal mengikut gelaran yang dibawa dari tanah seberang iaitu DATO' KOMO. Kampung yang diteroka itu pula dinamakan Kampung Pauh mengikut sempena nama isteri Moyang Suhur (Kampung Pauh ini salah sebuah nama kampung kecil di dalam kariah Majau).
- 8.7.4 Peneroka dari Pasir Besar: Beberapa tahun kemudian datang lagi satu rombongan suku Mungkal dari Pasir Besar diketuai oleh moyang bernama BENTONG, sayangnya nama isterinya tidak diketahui. Mereka mencari suku untuk meneroka kampung halaman, lalu berjumpa Dato' Komo Suhur.

Moyang Bentong disuruh meneroka di seberang sungai. Di sebabkan Moyang Bentong mengetuai peneroka-peneroka di kampung berkenaan mereka namakan penempatan baru itu Bentongan. Akhirnya Bentong dilantik menjadi buapak oleh Dato' Komo Suhur. Lembaganya duduk di Kampung Pauh jadilah perut Pauh, dan buapaknya duduk di Kampung Bentongan jadilah perut Bentongan.

- 8.7.5 Peneroka dari Mungkal, Pahang: Penghujung kurun ke 18 semasa lembaganya Dato' Komo Nolah daripada perut Bentongan, datang lagi beberapa rombongan ke Jempol. Rombongan pertama diketuai oleh Moyang Bador, dan beliau disuruh meneroka di Kampung Keru. Manakala selebihnya meneroka pula di Kampung Ghalib (Sungai Jelutong sekarang ini) dan di kampung Bukit (Tapak sekarang ini).

Daripada sinilah diwujudkan perut Keru dan Perut Kampung Bukit. Maka terdapatlah empat perut dalam lingkungan Dato' Komo iaitu: Perut Pauh, Perut Bentongan, Perut Keru dan Perut Kampung Bukit.

8.7.6 Kurniaan Dato' Andatar oleh Undang Luak Jelebu kepada buapak Bidin daripada perut Kampung Bukit: Menjadi 'orang besar bergajah tunggal' dan keluar daripada lingkungan Dato' Komo. Kira-kira penghujung kurun ke 18 dan awal kurun ke 19, Bidin telah dikurniakan pesaka buapak Andatar oleh Undang Luak Jelebu kerana jasanya menjadikan terataknya sebagai tempat persinggahan dalam perjalanan ulang alik ke Johol.

8.7.7 Ketika ini Penghulu Luak Jempol ialah Dato' Johan. Apabila Undang Luak Jelebu ke Seri Menanti beliau mengikuti laluan Jempol dan tempat persinggahannya ialah di teratak Dato' Andatar.

Hubungan luak Jempol dengan luak Jelebu begitu rapat ketika itu sehingga Jempol di gelarkan sebagai 'serambi Jelebu' Disebabkan Dato' Andatar diberi kuasa bergajah tunggal memerintah perut Kampung Bukit, maka perut Kampung Bukit terkeluar daripada lingkungan Dato' Komo. Dengan sendirinya perut berkenaan tidak boleh menerima pesaka lembaga Dato' Komo.

8.7.8 Kedatangan Mungkal Kayu Ara, Parit, Kuala Pilah: Kira-kira awal kurun kesembilan belas datang lagi sekumpulan orang suku Mungkal dari Parit, Kayu Ara, Kuala Pilah iaitu anak buah Dato' Semaja (Dato' Seri Maharaja) Ujang yang diketuai oleh SERAK BINTI CHUAK. Dato' Semaja Ujang sendiri datang menyerahkan anak buahnya kepada Dato' Komo Muji dengan menyembelih kambing.

Maka diberilah tanah di Kampung Keru, dan sebahagiannya lagi di Kampung Tengkek. Bagaimanapun mereka tidak pernah memutuskan hubungan dengan suku Mungkal di Kayu Ara. Keturunan mereka ini sebahagiannya menetap di Kampung Keru, manakala sebahagian pula di Parit Kayu Ara, Luak Ulu Muar.

Mereka ini boleh menerima pesaka 'tanah adat' tetapi tidak boleh memegang pesaka dato' Lembaga, disebabkan waris mereka masih berhak menerima pesaka lembaga Dato' Semaja (Seri Maharaja) di Luak Ulu Muar, seperti yang berlaku sekarang apabila Dato' Seri Maharaja Khalid bin Bonget yang menyandang pesaka dato' lembaga suku Mungkal di Luak Ulu Muar.

8.7.9 Kedatangan Mungkal dari Jelebu: Adalah dianggarkan dalam tahun 1920 sekumpulan suku Mungkal dari Jelebu diketuai oleh

Moyang Chachek datang 'memepati' Dato' Komo di Terentang. Mereka kemudiannya meneroka di Kampung Bayai, Serting Ulu dan Kampung Terentang Bayai yang dekat sangat sekiranya mengikut jalan hutan.

Bagaimanapun merka tidak pula menjadikan tanah yang diteroka itu 'tanah adat', malah mereka terus berhubung rapat dengan suku Mungkal di Jelebu. Sekiranya sanak saudara mereka di Jelebu menghadapi suasana sakit pening, kenduri kendara dan hidup mati, mereka tetap saling ziarah menziarahi. Keturunan mereka ini dimasukkan ke perut Keru dan kedudukan mereka samalah seperti kumpulan Mungkal dari Kayu Ara juga.

Apabila buapak perut Keru, To' Sinda Maharaja Haji Rohin meninggal dunia dalam tahun 1930, suku Mungkal keturunan Jelebu telah meminta kepada Dato' Komo Aman supaya orangnya dilantik menyandang pesaka buapak berkenaan. Dengan tidak berfikir panjang Dato' Aman bersetuju dengan tuntutan tersebut, lantas melantik Khatib bin Sujang daripada Mungkal Jelebu ini menyandang pesaka buapak To' Sinda Maharaja.

To' Sinda Maharaja Khatib meninggal dunia dalam tahun 1962, dan Mungkal Jelebu terus melantik orangnya menyandang pesaka buapak berkenaan dengan melantik Abdul Wahab bin Ismail.

- 8.7.10 Perut Kampung Bukit masuk semula ke Perut Keru: Untuk membolehkan mereka menyandang pesaka dato' lembaga iaitu Dato' Komo. Pada 28 Oktober 1970 satu perjumpaan telah diadakan di balai Penghulu Luak Jempol di Masjid Lonek yang dihadiri oleh Pegawai Daerah Kuala Pilah, Encik Sulaiman bin Ibrahim, Penghulu Luak Jempol Dato' Lela Raja Haji Ahmad bin Ibrahim, Dato' Seri Amar Menteri Haji Ahmad bin Tupin, To' Sinda Maharaja Abdul Wahab bin Ismail (buapak Mungkal perut Keru), To' Baginda Kaya Daud bin Md Dom dan Dato' Andatar Abdul Rahman bin Adam.

Dato' Andatar Abdul Rahman telah meminta persetujuan majlis supaya anak buahnya dibolehkan menerima pesaka Dato' Komo apabila gilirannya dengan syarat perut Kampung Bukit diserapkan kepada Perut Keru. Oleh itu suku Mungkal Dato' Komo ini terlingkung tiga perut di dalamnya iaitu:

1. Perut Pauh
2. Perut Bentongan
3. Perut Keru (termasuk perut Kampung Bukit)

8.7.11 Tambahan buapak perut Pauh: Bergelar To' Maharaja Lela. Sebelum ini lingkungan Dato' Komo suku Mungkal mempunyai dua orang buapak sahaja. Perut Pauh dan perut Bentongan mempunyai satu sahaja buapak bergelar To' Baginda Kaya, manakala satu lagi buapak ialah bagi perut Keru bergelar To' Sinda Maharaja.

Dalam tahun 1972 Dato' Komo Duaji bin Bakar telah mewujudkan seorang lagi buapak didudukkan dalam perut Pauh bergelar To' Maharaja Lela. Dengan perlantikan tersebut menjadikan tiap-tiap perut mempunyai buapak sendiri, seorang Orang Besar, seorang Soko bagi memimpin kaum ibu dan beberapa orang tua-tua waris membantu buapak.

Disebabkan Dato' Andatar kedudukannya sebagai Orang Besar (Pegawai 99), maka jumlah Orang Besar dalam lingkungan Dato' Komo ialah empat orang. Susunan penyandang pesaka buapak, Orang Besar dan Soko di bawah Dato' Komo, lembaga suku Mungkal ialah:

A. Perut Pauh

BUAPAK (gelarannya To' Maharaja Lela)	ORANG BESAR (gelarannya To' Memperang)	SOKO
<ol style="list-style-type: none"> 1. Uda bin Hamid 2. Mustafa b. Ujang 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Boyak 2. Kundang 3. Untai b. Bidin 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Awa bin Hamid

B. Perut Bentongan

BUAPAK (gelarannya To' Baginda Kaya)	ORANG BESAR (gelarannya To' Laksamana)	SOKO
<ol style="list-style-type: none"> 1. Bentong 2. Chachak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Samad 2. Minin 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sharifah binti Ghapar

3. Tapar	3. Daud b. Md. Dom	
4. Daud b. Md. Dom (Meletakkan pesaka)		
5. Kail b. Bador		
6. Jalil b. Muhammad. (sekarang)		

C. Perut Keru

BUAPAK (gelarannya To' Sinda Maharaja)	ORANG BESAR (gelarannya To' Mangku)	SOKO
1. Bador 2. Samad 3. Hj. Rohin 4. Khatib b. Sujang 5. Abdul Wahab b. Ismail 6. Abdullah b Ali (sekarang)	1. Chachek 2. Duman 3. Lahad 4. Maanoh 5. Zainal b. Maadah	1. Natrah binti Ismail

D. Penyandang Pesaka DATO' ANDATAR

1. Bidin
2. Muhammad
3. Saban
4. Abdul Rahman bin Adam
5. Sudin b. Hassan

8.7.12 Keputusan menetapkan perut Kampung Bukit diserapkan kepada perut Keru, bagi mengekalkan tiga perut sahaja di dalam suku Mungkal telah disahkan melalui surat pejabat Daerah, Kuala Pilah seperti salinannya:

Bil. (2) dlm. PDKP.1491

Pejabat Daerah,
Kuala Pilah.

28. Oktober, 1970.

**Pilihan untuk menggantikan pesaka Dato' Komo
Lembaga Suku Mungkal, Luak Jempol**

Satu perjumpaan telah diadakan di balai Penghulu Luak Jempol, Lonek pada 20 Oktober, 1970. Yang Hadir ialah:

Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah
YM Dato' Penghulu Luak Jempol
Dato' Lela Raja Haji Ahmad b. Haji Ibrahim
(Lembaga daripada suku Tiga Batu)
Dato' Seri Amar Menteri Haji Muhammad b. Tupin
(Lembaga daripada suku Tanah Datar)
Encik Abdul Wahab bin Ismail
(Buapak daripada Perut Keru)
Encik Daud bin Mohd Dom
(Buapak daripada Perut Bentongan)
Encik Abdul Rahman bin Adam
(Dato' Andatar)

2. Ada tiga perut bagi waris-waris menyandang pesaka Dato' Komo iaitu:

- i) Keru
- ii) Kampung Pauh
- iii) Bentongan

Seorang buapak yang dipilih untuk perut Kampung Pauh dan Bintungan bergelar Baginda Kaya. Seorang buapak Khas bagi Keru dipilih bergelar Sinda Maharaja.

3. Dato' Komo Aman bin Ahmad daripada perut Kampung Pauh telah dipilih sebagai lembaga dalam tahun 1911. Beliau telah meninggal dunia pada 9 Ogos, 1970.

4. Encik Abdul Rahman bin Adam (Dato' Andatar) bertanya sama ada Kampung Bukit termasuk dalam perut Keru. Oleh sebab jawatan Dato' Andatar dilantik oleh Dato' Undang Luak Jelebu bergelar Besar Pesaka Khas menjaga telapak di Kampung Bukit pada zaman dahulu maka lembaga-lembaga dan buapak-buapak bersetuju bahawa anak-anak buah daripada

Kampung Bukit tidak patut ditahan menuntut menjadi waris dan hendaklah dimasukkan semula di dalam perut Keru. YM Dato' Penghulu Luak Jempol bersetuju dengan keputusan ini.

5. Lembaga-lembaga dan buapak-buapak juga bersetuju giliran pesaka untuk Dato' Komo yang baru jatuh kepada perut Bentongan. Selepas itu jatuh kepada giliran perut Keru serta Kampung Bukit dan kemudiannya di ikuti oleh perut Kampung Pauh. YM Dato' Penghulu Luak Jempol bersetuju dengan keputusan ini.

t.t (Sulaiman bin Mohd Dom)
Pegawai Daerah,
Kuala Pilah.

8.7.13 Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku Mungkal bergelar Dato' Komo ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' KOMO		
	Pauh	Bentongan	Keru
Penyandang secara kronologi	1. Sohor 2. Jalil 5. Aman Haji Ahmad (1911 - 9/8/70)	3. Nolah 6. Hj. Duaji b. Bakar (20/2/71 - sekarang)	4. Muji

8.7.14 Mengenai kedatangan orang-orang Minangkabau terutamanya suku Mungkal ke Luak Jempol, Dato' Komo Haji Duaji mencatatkan:

"... Maka perantau ini bertanyakan siapakah gerangan ketuanya, kami semua hendak berkenalan, maka ditunjukkan oleh orang-orang disitu, itulah rumah ketua kami kononnya bernama To' Batin Pacat, orangnya tinggi lampai berambut kerinting.

Maka diterangkanlah oleh ketua kumpulan perantau itu katanya, hendak menumpang berdagang dan kalau boleh hendak berkampung halaman, bersawah ladang menyeru untung di rantau orang. Oleh sebab begitu pandainya kata si pedagang mendayu-dayu merayu untung, maka To' Batin Pacat dengan tidak disedari air matanya jatuh ke lantai ..."

Begitulah ramahnya anak-anak tempatan menyambut kedatangan orang-orang Minangkabau yang berdagang ke wilayah mereka. Sudah tentulah orang-orang Minangkabau ini pula tidak mahu melukakan hati anak-anak tempatan, di mana setiap keputusan dirundingkan bersama.

8.8 SUKU TIGA NENEK

8.8.1 Terdapat dua perut dalam lingkungan suku ini dan lembaganya bergelar DATO' SETIA PENGHULU. Dua orang buapak mengetuai perut berkenaan di samping dua orang Besar Waris (Pegawai 99), Tua Waris (pembantu buapak) dan Soko. Dua Perut itu ialah: Perut Jerjak/Majau, buapaknya TO' PADUKA MENTI, dan Perut Sungai Taling, buapaknya TO' SENARA KHATIB.

Pada mulanya suku ini mempunyai tiga perut. Bagaimanapun perut Jerjak dan Majau disatukan dengan kedudukan buapaknya juga tidak berubah. Sementara Orang Besar Warisnya (Pegawai 99) pula ialah TO' PADUKA MENTERI, dan TO' PANGLIMA TORO.

8.8.2 Senarai mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku Tiga Nenek ini seperti berikut:

Gelaran Pesaka	DATO' SETIA PENGHULU	
Perut	Jerjak/Majau	Sungai Taling
Penyandang secara kronologi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sewan 2. Saun 3. Jadi 6. Badol 	<ol style="list-style-type: none"> 4. Hj. Sukor 5. Hj. Deraman 7. Hj. Ahmad bin Daud

8.9 **SUKU SERI LEMAK PAHANG**

8.9.1 Sebelum datang ke luak Jempol, tiga beradik daripada suku Seri Lemak mudik ke Pahang hingga sampai ke Bukit Segumpal. Di situlah mereka membuat penempatan sehingga keturunan bertambah ramai. Apabila Luak Jempol mulai ramai didiami orang, keturunan tiga beradik ini turut mengadu nasib ke Luak Jempol.

8.9.2 Mereka membawa pengikut dan anak buah datang ke Jempol. Terdapat tiga perut dalam lingkungan suku berkenaan dengan tiga orang buapak. Lembaganya bergelar DATO' SETIA PAHLAWAN, sementara buapaknya pula ialah: TO' MAHA-RAJA KAYA bagi perut Terentang, TO' BAGINDA KARI, perut Jerjak, dan TO' SERI AMAR RAJA, Perut Maden.

8.9.3 Senarai dato'-dato' lembaga yang pernah menyandang pesaka suku Seri Lemak Pahang ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' SETIA PAHLAWAN		
Perut	Terentang	Jerjak	Maden
Penyandang secara kronologi	1. Akop 2. Talap 4. Jadat 7. Sianit 9. Kasim 12. Hj. Ali b. Kidam	3. Embap 5. Tangkar 8. Tahar 10. Teduh	6. Limun 11. Udang 13. Md. Zin b. Paseh

8.9.4 Dalam rekod suku ini terdapat lapan Orang Besar Waris (Pegawai 99) berpesaka, tetapi catatan yang disahkan oleh BALAI PENGHULU LUAK JEMPOL, hanya dua orang sahaja Orang Besar Waris (Pegawai 99) dalam tiap-tiap suku. Mereka yang menjadi Orang Besar Waris (Pegawai 99) daripada suku ini, ialah:

- | | |
|---------------------|-----------------------|
| 1. To' Sama Raja | 5. To' Paduka Menteri |
| 2. To' Sagar | 6. To' Sinda Raja |
| 3. To' Ginda Jelela | 7. To' Toro |
| 4. To' Jemosa | 8. To' Sino Raja |

Bagaimanapun dua orang Besar Waris (Pegawai 99) yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol ialah:

1. To' Ginda Jelela
2. To' Sagar

8.10 SUKU BIDUANDA WARIS

- 8.10.1 Daripada salasilah keturunan suku ini mereka mempunyai kaitan rapat dengan orang Asli. Terdapat lima perut terlingkung dalam suku mereka, tetapi salah satu daripada perut itu tidak boleh menyandang pesaka lembaga. Mereka juga tidak mempunyai buapak, tetapi bertaraf ORANG BESAR WARIS (Pegawai 99) dengan menjadi TO' BATIN Ulu Jempol berkuasa memerintah anak buah di luar hutan di dalam hutan.
- 8.10.2 Gelaran lembaganya juga unik kerana bergantung kepada perut mana yang menyandang pesaka. Gelaran akan berubah apabila perut yang menyandang pesaka itu bertukar. Lima perut terlingkung dalam suku Biduanda Waris ini, ialah Perut Biduanda Jawa, Perut Chincang, Perut Paduka Tuan, Perut Menteri dan Perut Sialang Putih.
- 8.10.3 Sekiranya perut Biduanda Jawa menyandang pesaka maka gelarannya ialah DATO' UMBI. Perut Paduka Tuan pula akan bergelar DATO' DIO MAHARAJA, manakala perut Chinchang akan bergelar DATO' BENTARA. Bagi perut Sialang Putih pula hanya bertaraf ORANG BESAR WARIS (Pegawai 99) sahaja dengan gelarannya TO' SIALANG PUTIH.
- 8.10.4 Seorang lagi Orang Besar Waris (Pegawai 99) suku ini ialah TO' PADUKA TUAN MORDI BUAPAK. Mereka juga mempunyai TUA WARIS (Pembantu buapak) dan SOKO (Ketua waris perempuan). Senarai menyandang pesaka lembaga suku ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' UMBI/DATO DIO MAHARAJA/DATO' BENTARA				
Perut	Biduanda Jawa atau Kata	Chinchang	Paduka Tuan	Menteri	Sialang Putih
Penyanggah secara kronologi	5. Datin 7. Hamzah Samah	2. Sialat	3. Rantau	1. Kiamar 4. Bangking 6. Teduh Abdullah	Tidak menyanggah pesaka hanya setakat Orang Besar Waris saja.

8.10.5 Sudah ditetapkan oleh suku mereka perut Sialang Putih tidak boleh menyanggah pesaka lembaga bergelar DATO' UMBI, kerana perut ini adalah waris Jelebu dan Pasir Besar. Oleh itu perut tersebut hanya diberi pesaka To' Batin bertaraf Orang Besar Waris (Pegawai 99). Dengan ini semua Orang Asli di Ulu Jempol adalah di bawah pimpinannya.

8.11 SUKU SERI MELENGGANG

8.11.1 Gelaran lembaga suku ini juga berubah mengikut perut yang menyanggah pesaka. Suku Seri Melenggang adalah di antara gelombang terawal orang Minangkabau datang ke Luak Jempol yang dipimpin oleh Juara Megat dan membuat penempatan di Batang Tiga, Melaka. Kemudian mereka datang ke Luak Jempol bersama suku Tiga Batu, Tanah Datar dan Mungkal.

8.11.2 Terdapat tiga perut terlingkung di dalam suku ini, tetapi mempunyai dua orang sahaja buapak. Perut yang terlingkung di dalamnya ialah: Perut Naning, Perut Pulau Sebang dan Perut Ampang Serong.

Apabila perut Naning menyanggah pesaka lembaganya akan bergelar DATO' RAJA SENARA, manakala perut Pulau Sebang dan Ampang Serong pula gelarannya ialah DATO' JENGKAYA. Buapaknya pula ialah TO' PADUKA RAJA, Perut Naning, TO' SENARA KAYA, Perut Pulau Sebang dan Ampang Serong.

- 8.11.3 Orang Besar Warisnya (Pegawai 99) bergelar TO' MAHARAJA GARANG, dan TO' GINDA. Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga suku ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' RAJA SENARA/DATO' JENGKAYA		
Perut	Naning	Pualau Sebang	Ampang Serong
Penyandang secara kronologi	1. Kapul 2. Pati 3. Gador 4. Meon 6. Kamar 8. Pulek 10. Rentah 11. Sutin	 5. Matar 7. Siawar	 9. Buntu 12. Sharif Talib

8.12 SUKU BATU HAMPAR

- 8.12.1 Lembaganya bergelar DATO' BESAR, dengan tiga perut terlingkung di dalamnya. Sebelumnya suku berkenaan mempunyai dua perut sahaja iaitu: Jerjak dan Anak Ayer Penghulu. Tetapi sekitar tahun 1916 telah berlaku krisis di dalam suku tersebut menyebabkan Pegawai Daerah di Kuala Pilah (berbangsa Inggeris) terpaksa campur tangan.
- 8.12.2 Selepas itu diwujudkan perut Kuala Jempol, menjadikan jumlah semua perut yang terlingkung ialah tiga. Gelaran buapaknya ialah TO' KAYA MAHARAJA, Perut Jerjak, dan TO' RAJA DI BILANG, Perut Anak Ayer Penghulu dan Perut Kuala Jempol. Suku Batu Hampar mempunyai tiga Orang Besar Waris (Pegawai 99) iaitu: TO' MENTERI HAKIM, TO' MEMPERANG, TO' SEMARAJA. Penyandang pesaka lembaga suku ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' BESAR		
Perut	Jerjak	Anak Ayer Penghulu	Kuala Jempol
Penyandang secara kronologi	1. Nesah 3. Wan 5. Datin 7. Nati 9. Pakeh Samah	2. Rapek 4. Asom 6. Tachik 8. Satin 11. Md. Dom Mohamad	10. Hj. Said 12. Baharuddin b. Kidam (15.5.85 sekarang)

8.12.3 Krisis dalam suku Batu Hampar ini berlaku ketika pemerintah Penghulu Luak Jempol Dato' Abdul Wahab tahun 1916 itu. Selepas diwujudkan perut Kuala Jempol tidak lagi berlaku krisis perlantikan lembaga. Peralihan kuasa berjalan lancar mengikut aturan adat: **HIDUP BERKERELAAN, MATI BERKERAPATAN**. Keharmonian terjalin seperti catatan yang disahkan oleh Balai Penghulu Luak Jempol ini:

".... Tetapi dalam tahun 1916 selepas menimbangkan satu surat petisen dari anak buah, perut Kuala Jempol, YAM Dato' Penghulu Luak Jempol Dato' Abdul Wahab dengan Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah (Inggeris) namanya tidak disebut, perut Kuala Jempol bolehlah menuntut pesaka Dato' Besar apabila berlaku kekosongan.

Dalam masa pemerintahan Jepun berlakulah penyerahan kuasa dari Dato' Besar Pakeh Samah, daripada perut Jerjak kepada Haji Said, Perut Jempol iaitu tahun 1944. Pada tahun 1945 Dato' Besar Pakeh Samah meninggal dunia, maka kekallah Haji Said

daripada perut Kuala Jempol menyandang pesaka Dato' Besar..."

8.13 SUKU ANAK ACHEH

8.13.1 Lembaganya bergelar DATO' SERI PAHLAWAN, dengan tiga perut terlingkung di dalamnya. Bagaimanapun hanya seorang sahaja buapak mengetuai ketiga-tiga perut berkenaan bergelar TO' PADUKA SINDA. Tiga perut tersebut ialah:

1. Perut Padang Lebar
2. Perut Jerjak
3. Perut Kampung Tengah

8.13.2 Suku Anak Aceh mempunyai tiga orang Besar Waris (Pegawai 99), di samping Tua Waris (pembantu buapak) dan Soko (Ketua waris perempuan). Tiga Orang Besar Waris (Pegawai 99) ini, ialah: TO' SINDA MAHARAJA, TO' LAKSAMANA, dan TO' PERDANA.

8.13.3 Kemungkinan suku berkenaan semenda menyemenda di antara orang Minangkabau dengan Aceh yang sudah berhijrah ke Semenanjung. Ini disebabkan tidak ada suku ANAK ACHEH di bumi Minangkabau sendiri. Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga ini bergelar Dato' Seri Pahlawan, ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' SERI PAHLAWAN		
Perut	Padang Lebar	Jerjak	Kampung Tengah
Penyandang secara kronologi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Singkap 2. Kurap 7. Maaleh 8. Hj. Sharif b. Idris 	<ol style="list-style-type: none"> 3. Mongkok 4. Aji 	<ol style="list-style-type: none"> 5. Sebus 6. Abas

8.14 SUKU PAYA KUMBUH

- 8.14.1 Gelaran lembaganya ialah DATO' SURA, dengan satu sahaja perut yang terlingkung di dalamnya iaitu perut Pajah. Dalam catatan yang disahkan oleh JAWATANKUASA ADAT LUAK JEMPOL menyebut mengenai suku Paya Kumbuh seperti berikut:

"... Suku Paya Kumbuh berlembagakan DATO' SURA. Pada mulanya hanya satu sahaja perut iaitu perut Pajah berbuapakkan TO' BAGINDA RAJA. Tetapi pada tahun 1916 datanglah lagi enam keluarga dari Paya Kumbuh (Sumatera) melalui Ulu Muar terus menetap meneroka kampung halaman di Bayai, Serting Ulu.

Mereka ini mempunyai buapak sendiri yang bergelar TO' JENGKAYA, terus menepat (bergabung sama) dengan suku Paya Kumbuh yang telah sedia ada, berlembagakan Dato' Sura. Maka muafakatliah kedua-dua waris ini dan bersetuju sama-sama mepesakai lembaganya Dato' Sura itu..."

- 8.14.2 Dengan ini buapak yang datang bersama dari Paya Kumbuh bergelar To' Jengkaya dihapuskan, dan mereka menerima buapak yang sedia ada iaitu To' Baginda Raja sahaja. Sementara puak yang sudah lama menetap di Luak Jempol pula menerima secara terbuka golongan yang baru berpindah, dengan membenarkan mereka menuntut pesaka lembaga apabila berlaku kekosongan.
- 8.14.3 Manakala puak yang baru berpindah mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh pemimpin-pemimpin suku yang terdahulu. Tidak wujud sebarang krisis kepimpinan di kalangan mereka. Di samping itu pengikut dan anak buah suku Paya Kumbuh tidaklah besar jumlahnya. Mereka yang pernah menyangand pesaka lembaga bergelar Dato' Sura ini, ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' SURA
Perut	Pajah
Penyandang secara kronologi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ali 2. Amin 3. Ujang 4. Jamal 5. Jaafar 6. Talek 7. Talib b. Kompot 8. Sharif b. Mahat

8.14.4 Suku Paya Kumbuh tidak mempunyai Orang Besar Waris (Pegawai 99). Mereka berpindah ke Luak Jempol disebabkan sebahagian kecil sanak saudara mereka sudah lama menetap di Luak Ulu Muar. Sebab itulah gelaran buapak TO' JENGKAYA yang mereka bawa dari Paya Kumbuh di Sumatera, bukan sahaja tidak terdapat di Luak Jempol, malah tidak juga wujud di Luak Ulu Muar.

8.15 TO' SIALANG PUTIH (BATIN ULU JEMPOL)

8.15.1 Kedudukan Orang Besar Waris (Pegawai 99) di Luak Jempol bergelaran TO' SIALANG PUTIH begitu unik dalam sejarah perkembangan luak ini. Dalam terombo salasilah suku Biduanda Waris yang lembaganya bergelaran Dato' Umbi, ada menerangkan bahawa pesaka To' Sialang Putih merangkumi anak buah di luar dan di dalam hutan. Bagaimanapun perut mereka ini tidak berhak menyandang pesaka dato' lembaga suku Biduanda waris itu.

8.15.2 Mereka daripada perut Sialang Putih hanya menyandang pesaka To' Batin Ulu Jempol bertaraf Orang Besar Waris (Pegawai 99). To' Sialang Putih adalah lambang kepada hak Orang Asli dalam pemerintahan beradat di Luak Jempol, kerana di luak lain tidak ada pesaka yang dikhaskan kepada waris Orang Asli. Ini disebabkan kebanyakan pesaka dato' lembaga malah Penghulu Luak/Undang Luak sendiri adalah wujud selepas persemendaan di antara orang Minangkabau dengan Orang Asli.

8.15.3 Dalam catatan To' Batin Ulu Jempol ketujuh, To' Sialang Putih Ibrahim bin Amin yang disembahkan kepada Yang di Pertuan

Besar di Seri Menanti bertarikh 28 Ogos, 1956 menyebut jurai keturunan perut ini seperti berikut:

"... Suku kaum Asli ini adalah keturunan dari Bukit Salai, Pasir Besar. Batin yang pertama iaitu moyang kepada waris ini telah membawa orang-orangnya meneroka di Ulu Jempol khususnya di Cuntor, Tengkek, menurutnya dewasa itu Ulu Jempol belum bernama Jempol tetapi dipanggil Danau Rasau. Mereka ini telah meneroka kampung halaman berpindah randah dari satu tempat kesatu tempat, mereka juga mendakwa telah mempunyai lima anak sungai menjadi dusun iaitu: Dusun Sungai Sialang, Dusun Lumut, Dusun Sungai Car, Dusun Sungai Panja, Dusun Sungai Jala-jala.

Dan ada lagi sepuluh dusun-dusun kecil iaitu: Dusun Nanas, Dusun Jenang, Dusun Seberuang, Dusun Semariah, Dusun Sungai Cheragan, Dusun Tutor, Dusun Mentok, Dusun Ulu Sungai Talan, Dusun Lulus dan Dusun Beting.

Sungai Talan telah dibahagikan oleh To' Batin Rendang kepada orang-orang Asli dari Jelebu diketuai oleh To' Batin Itai, kaum ini duduk di Langkap. Bagaimanapun dalam pemerintahan Jepun tempat-tempat ini telah ditinggalkan, dan mereka berpindah tidak tahu ke mana..."

- 8.15.4 Dalam masa To' Batin Rendang menyandang pesaka To' Sialang Putih yang ketiga telah berlaku krisis yang menimbulkan perselisihan faham diantaranya dengan waris Pahang bernama ABDULLAH KANCIL mengenai sempadan Negeri Sembilan (Jempol) Pahang di Bukit Pergai.

Krisis tersebut telah diselesaikan dengan campur tangan Residen British di Negeri Sembilan ketika itu Martin Lister (1895 - 1897) bersama Undang Luak Johol DATO' CAETO (1840 - 1901), Dato' Baginda Tan Mas Wan Omar bin Wan Hassan To' Sialang Putih Rendang.

- 8.15.6 Jurai keturunan waris Sialang Putih ini membuktikan Orang Asli terbabit sama dalam pemerintahan di Luak Jempol sejak bermulanya sistem sosial adat pepatih di luak berkenaan. Orang Asli dibawa sama dalam pentadbiran bagi menjamin

keadilan tercapai di kalangan semua penduduk. Mereka yang pernah menyandang pesaka To' Sialang Putih (Batin Ulu Jempol) ini ialah:

1. To' Batin Pak Sudom Durai
2. To' Batin Sepeh
3. To' Batin Rendang
4. To' Batin Tengah
5. To' Batin Layar
6. To' Batin Sudin bin Sidek
7. To' Batin Ibrahim bin Amin
8. To' Batin Zainuddin bin Dato' Umbi Hamzah.

9. PERLANTIKAN PENGHULU LUAK

- 9.1 Kedudukan Penghulu Luak Jempol tidak sama dengan UNDANG YANG EMPAT, malah statusnya juga dikira di bawah Penghulu Luak Ulu Muar dalam 'Luak Tanah mengandung'. Apabila seseorang Penghulu Luak meninggal dunia secara automatik DATO' LELA RAJA akan memangku pesaka sehingga lantikan baru dibuat. Ini disebabkan perlantikan Penghulu Luak tidak boleh dibuat serta merta selepas kematian seseorang penyandang pesaka.
- 9.2 Sehingga tiga bulan Dato' Lela Raja memangku pesaka Penghulu Luak barulah DATO' SERI AMAR MENTERI sebagai 'haluan sembah' di Luak Jempol (atau serampu lembaga yang sepuluh, tali pengelak tangkai penjinjing) meminta kepala waris iaitu TO' PADUKA TUAN dan TO' SYAHBANDAR mengemukakan calon (dipanggil mata benih) daripada waris Biduanda.
- 9.3 Upacara pemilihan diadakan di rumah Dato' Lela Raja dengan dikendalikan oleh jawatankuasa pemilihan terdiri daripada semua dato'-dato' lembaga. Bagaimanapun Dato' Lela Raja, Dato' Paduka Tuan dan Dato' Syahbandar tidak mempunyai kuasa mengundi dalam upacara pemilihan tersebut. Pegawai Daerah, penyelia adat dan jawatankuasa adat istiadat Luak Jempol turut sama menyaksikan upacara pemilihan ini.
- 9.4 Selesai pemilihan tersebut, DATO' MAHARAJA SETIA (tumpuan lembaga) dan Dato' Paduka Tuan akan menjemput Penghulu Luak yang baru untuk istiadat mandi dan berbedak limau. Dato' Maharaja Setia, Dato' Paduka Tuan dan Dato' Syahbandar

bersama soko kemudiannya akan mengiringi Penghulu Luak yang lengkap berpakaian Melayu masuk ke pekarangan rumah. Di situ sudah bersedia Dato' Seri Amar Menteri menyambut kedatangan rombongan berkenaan.

Sebaik sahaja mereka sampai, lambat (tembakan) sebanyak lapan das akan dilepaskan. Setelah sirih disorongkan, barulah Dato' Seri Amar Menteri membayar adat bakal penghulu kepada Pemangku Penghulu Luak iaitu Dato' Lela Raja berjumlah \$28.00. Seterusnya Dato' Lela Raja mengisytiharkan Penghulu Luak yang baru dilantik. Setelah diisytiharkan, Penghulu Luak pun akan mengangkat sumpah berikrar menerima pesaka tersebut.

- 9.5 Selepas itu istiadat menyembah pula dijalankan. Istiadat akan didahulukan oleh Dato' Lela Raja dan diikuti oleh Dato' Seri Amar Menteri, Dato' Maharaja Setia, Dato' Paduka Tuan, Dato' Syahbandar, To' Maharaja Garang (buapak waris Biduanda) dan soko. Selepas istiadat menyembah, penyelia adat Luak Tanah Mengandung akan berucap bagi pihak Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.
- 9.6 Setelah pengisytiharan dibuat mereka semua diraikan dalam majlis jamuan. Selesai sahaja jamuan, dato'-dato' lembaga, buapak, Orang Besar Waris (Pegawai 99), Tua-tua Waris (pembantu buapak), soko dan anak-anak buah mengiringkan Penghulu Luak balik ke balainya (ke rumahnya). Sepanjang perjalanan itu Penghulu Luak mestilah dipayangkan oleh soko hingga sampai ke pekarangan rumah (balai). Di situ Penghulu Luak akan ditaburkan dengan beras kunyit oleh ibunya atau kakaknya atau adik perempuannya.
- 9.7 Dalam kerapatan adat di luak Jempol tahun 1992 telah ditetapkan untuk mewujudkan pesaka DATO' MUDA sebagai bakal Penghulu Luak. Pertemuan dato'-dato' lembaga dan Penghulu Luak Jempol Dato' Haji Hashim dengan wakil jawatankuasa Penyelidikan Kebudayaan Negeri Sembilan pada 8 ogos 1992 di pejabat Dato' Haji Hashim mengesahkan keputusan kerapatan adat itu akan dilaksanakan.

Pesaka DATO' MUDA yang akan diwujudkan itu boleh melicinkan peralihan kuasa apabila Penghulu Luak meninggal dunia. Sama seperti di Luak Johol juga DATO' TAN MAS bakal menyandang pesaka Undang Luak Johol, dan DATO'

PERDANA bakal memegang pesaka Dato' Penghulu Luak Ulu Muar. Langkah mewujudkan pesaka Dato' Muda di luak Jempol ini memang sesuai bagi menyelesaikan sebarang kerumitan dalam pemilihan Penghulu Luak yang baru.

10. ISTIADAT KERJAN

- 10.1 Apabila perlantikan telah disahkan oleh Yamtuan, istiadat kerjan (tabal) perlu dijalankan. Istiadat tersebut dibuat di telapaknya (Yakni di rumah ibunya) atau di rumah saudara perempuannya seperti ditetapkan:

*Istana berlingkungan berair kaki
Penghulu berbalai bercucuran atap
Lembaga berteratak bertemarungan.*

- 10.2 Kebesaran pun dibentangkan di hujung serambi; di situlah Penghulu Luak didudukkan dengan diapit oleh Dato' Syahbandar di sebelah kanan dan Dato' Paduka Tuan di sebelah kiri. Turut hadir dalam majlis kerjan Penghulu Luak ini termasuklah semua dato' lembaga, semua buapak, orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai kerajaan dan anak-anak buah terutamanya daripada suku Biduanda Pasak.
- 10.3 Alat-alat kebesaran seseorang Penghulu Luak apabila diadakan istiadat kerjan terbahagi dua iaitu di bahagian atas dan di bahagian bawah. Alat kebesaran di bahagian atas balai termasuklah:
- i) Pada bahagian dalam balai dipasang sampaian kain iaitu di tiang tengah dan juga sudut tiang. Sementara itu tiang bahagian tengah, luar dan dalam dibalut dengan kain putih hitam. Dipasang juga tabir langit-langit dan tabir lingkung.
 - ii) Pada bahagian luar atau serambi, alat kebesaran dipasang ialah sampaian kain bagi setiap sudut tiang, tabir langit-langit bagi hujung dan dipangkal. Di hujung juga dipasang 'gunung berangkat' dan bantal godang, tilam pandak dua buah dan mesti beralaskan tikar berompok, di kiri dan di kanan.
- 10.4 Sementara alat-alat kebesaran yang dipasang di bahagian luar pula ialah mengandungi:
- i) Di hujung kanan dipasang panji-panji (bendera) tiga pasang.

Bendera yang di bahagian tengah berwarna hitam putih, dan keadaannya adalah rencong tajam ke atas. Pada bahagian sebelah kanan bendera dipasang payung.

ii) Di sebelah kiri halaman dipasang alat kebesaran seperti tombak berambu, pedang, payung, ular-ular dan tonggol.

10.5 Sebelum istiadat dilangsungkan, Dato' Maharaja Setia menjemput Penghulu luak memulakan upacara berarak dari balai telapakan. Perarakan ini diiringi oleh Orang Besar Waris (Pegawai 99) buapak-buapak, soko-soko dan tua waris (pembantu buapak) serta orang ramai hingga ke pekarangan balai.

10.6 Apabila sampai di pekarangan balai, Penghulu luak akan disambut dan dipimpin oleh Dato' Seri Amar Menteri menuju ke anjung balai. Kemudian Penghulu Luak dan To' Puan didudukkan di atas tilam pandak. Upacara bermula dengan istiadat membayar adat oleh Dato' Seri Amar Menteri kepada Dato' Lela Raja. Selepas ini dilangsungkan isitadat menyembah, lamat (tebakan) akan dilepaskan bagi setiap minit sehingga semua dato'-dato' lembaga dua belas selesai menyembah.

11. PEMILIHAN DATO' LEMBAGA

11.1 Perlantikan dibuat ke atas dato' lembaga bagi mengisi kekosongan pesaka berkenaan ialah dalam tempoh selepas tiga bulan sepuluh hari dato' yang menyandang pesaka itu meninggal dunia. Calon yang berhak dipilih terdiri daripada perut yang mengikut giliran masing-masing.

11.2 Pemilihan dato' lembaga terbahagi kepada dua cara untuk mengisi pesaka terbabit seperti disebut dalam aturan adat diluak Jempol iaitu:

a) Pemilihan mata benih: Mereka yang layak hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Penghulu Luak melalui buapak masing-masing.

b) Pengisytiharan: Penghulu Luak menetapkan satu tarikh yang sesuai bagi mengadakan pemilihan tersebut dan diadakan di Balai Penghulu Luak Jempol.

12. PERLANTIKAN BUAPAK

- 12.1 Pemilihan seseorang buapak apabila berlaku kekosongan sama ada disebabkan kematian, menyerahkan semula pesaka (meletakkan jawatan) atau dipecat. Buapak adalah Ketua Perut, yang biasanya bergantung kepada jumlah perut di dalam satu-satu suku yang diketuai oleh lembaga. Tugas buapak ialah mengamalkan adat dalam lingkungan anak buahnya, disamping menjaga kebajikan mereka.

Umpamanya dalam majlis nikah kahwin, kenduri kendara, sakit pening, kelahi kelawan dan sebagainya, buapak akan diberitahu sebagai 'tumpuan'. Buapak perlu mengambil berat dalam apa jua masalah yang berbangkit di kalangan anak buahnya;

***Kok malu membangkitkan
Kok haus memberi air
Kok litak (lapar) memberi nasi
Kok lulus (terjerlus) menyelami
Kok sakit mengubati
Kok mati menanam***

- 12.2 Di samping itu buapak juga berfungsi sebagai perantaraan di antara anak buah dengan lembaga. Tujuannya bagi memudahkan setiap masalah disalurkan dari dato' lembaga kepada anak buah dan sebaliknya. Buapak dipilih dan dilantik setelah mendapat kebulatan muafakat daripada anak-anak buah di dalam perut mereka. Cara pemilihannya dibuat dengan mengadakan satu kerapatan besar di telapak (rumah) waris (soko atau saudara perempuan) yang tua.
- 12.3 Dato' Lembaga akan sentiasa mengawasi majlis pemilihan ini yang dilakukan secara bebas dan terbuka. Sekiranya calon buapak hanya seorang, tidak perlu dilakukan undian. Mereka yang dipilih menyandang pesaka buapak akan dihantar ke rumah Dato' Lembaga dalam upacara yang berasingan sebagai tanda mendapatkan restu perlantikan.
- 12.4 Buapak berkenaan akan diiringi oleh ahli waris dan soko-sokonya dengan peminang (tepak sirih), wang adat - emas 20 mati tujuh rupiah dua sarupi (\$14.00) iaitu bilangan: Adat berjenjang naik bertanggung turun, dan membawa 'boko' iaitu kuih penganan dan wajik.

- 12.5 Selepas buapak berkenaan disahkan perlantikannya oleh Dato' lembaga, beliau akan mengadakan kenduri kesyukuran bertujuan mengumpulkan semua anak buah untuk mengeratkan hubungan. Lopak kuasa buapak juga ada batas yang ditentukan, sekiranya beliau menghadapi masalah menjalankan tanggungjawab hendaklah:

***Habis nan setampuk pulang ke nan sejengkal
Habis nan sejengkal pulang ke nan sehasta
Putus tali putus kelendan
Pulang ke suku nan berjurai.***

13. PERATURAN ADAT

- 13.1 Istiadat kerjan dilakukan juga kepada buapak dan lembaga. Seseorang buapak yang dikerjakan istiadatnya dikenali sebagai merapat atau mengembang pesaka. Istiadat ini dilangsungkan setelah beberapa bulan buapak berkenaan di lantik. Istiadat merapat ini hanya dilakukan oleh anak-anak buah daripada perut buapak itu sahaja.
- 13.2 Anak-anak buak akan berkumpul di rumah 'soko'. Kemudian mereka akan berjalan beramai-ramai menuju ke rumah buapak dengan membawa peminang (tepak sirih), boko (penganan dan wajik), wang sebanyak \$14.00 (disediakan oleh soko). Anak-anak buah yang lain juga membawa kuih-muih. (seolah-olah persembahan) untuk memeriahkan majlis jamuan di rumah buapak tersebut.
- 13.3 Di rumah buapak dipasang alat kebesaran di hujung serambi iaitu: Tabir lingkung, tabir langit-langit, tilam panjang beralaskan tiga helai tikar berompok yang mempunyai ukuran berbeza iaitu panjang, sederhana dan pendek. Tikar berompok ini dipasang melintang dan diletakkan peminang (tepak sirih) di situ.
- 13.4 Apabila istiadat bermula, buapak berkenaan bersama isterinya duduk di atas tilam pandak dengan dihadapi oleh semua anak buah. Soko memulakan istiadat merapat dengan diiringi soko muda membawa peminang (tepak sirih) ke hujung serambi lantas diserahkan kepada Orang Besar Waris (Pegawai 99) Peminang (tepak sirih) berkenaan disorongkan pula kepada waris perempuan.

- 13.5 Seterusnya istiadat menyembah dimulakan oleh soko perempuan diikuti oleh anak buah yang perempuan. Selepas itu barulah pihak lelaki dengan didahului oleh Orang Besar Waris (Pegawai 99). Dalam istiadat merapat ini Orang Besar Waris (pegawai 99) kedua belah pihak (iaitu buapak dan isterinya) menjadi orang perantaraan dalam melafazkan kata-kata dan sebagainya.

14. KERJAN LEMBAGA

- 14.1 Tidak banyak berbeza istiadat kerjan buapak dan lembaga. Bagaimanapun status lembaga yang tinggal kedudukan daripada buapak, tentulah isitadatnya lebih besar dan dihadiri oleh ramai pihak. Istiadat kerjan lembaga pula dilaksanakan oleh buapak tiap-tiap perut dalam lingkungan sukunya. Buapaknya akan mengumpulkan anak buah mereka di rumah soko, sebelum berarak beramai-ramai untuk mengadap lembaga berkenaan.
- 14.2 Alat kebesaran dan cara istiadat dijalankan sama dengan kerjan buapak juga, tetapi wang istiadat lembaga ialah \$21.00. Upacara jamuan setelah selesai istiadat juga lebih besar iaitu hidangan nasi dengan menyembelih lembu. Ini sesuai dengan kedudukan lembaga menjadi pembesar yang memerintah sukunya seperti ditegaskan di dalam adat: Lembaga Bersuku.

15. KUASA DAN TUGAS

- 15.1 Setiap pembesar luak mempunyai kuasa dan tugas mengikut kedudukan masing-masing iaitu: Kecil bernama, besar bergelar. Penghulu Luak merupakan ketua adat dan agama yang utama di dalam Luak Jempol. Di bawahnya terangkum dua belas lembaga yang menjadi ketua kepada sepuluh suku di luak berkenaan.
- 15.2 Kedudukan Penghulu Luak sebagai kuasa tertinggi peraturan adat di Luak Jempol sama seperti bentuk piramid dalam sistem pemerintahan feodal. Bagaimanapun agihan kuasa mereka membolehkan pihak di bawah memecat pihak di atas sekiranya berlaku penyelewengan adat.
- 15.3 Bentuk piramid ini ialah: Setiap suku diketuai oleh lembaga, manakala perut diketuai oleh buapak dan tua waris (pembantu buapak). Di samping buapak terdapat 'soko' di dalam perut

yang fungsinya sebagai ibu kepada buapak (sama ada ibunya sendiri atau saudara perempuan yang tua). Manakala setiap suku juga sekurang-kurangnya mempunyai dua Orang Besar Waris (Pegawai 99).

- 15.4 Di bawah kerapatan adat di Luak Jempol di bentuk pula Jawatankuasa Adat Istana yang dipengerusikan oleh Penghulu Luak. Setiausaha, bendahari dan ahli-ahlinya dilantik oleh Penghulu Luak sendiri dari kalangan dato' lembaganya yang dua belas.

Jawatankuasa Adat Istiadat berfungsi untuk menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan adat istiadat dan agama. Umpamanya menyelesaikan lantikan ketua adat termasuk Penghulu Luak, pemilihan dato' lembaga yang tidak mendapat kebulatan buapak atau sebarang krisis dalam suku. Mereka juga bertanggungjawab memelihara kesejahteraan semua anak buah di dalam luak berkenaan.

- 15.5 Jawatankuasa Adat Istiadat ini menjalankan tugas mereka di bawah pengawasan. Penghulu Luak selaku kuasa tertinggi pentadbiran adat di Luak Jempol. Beliau akan menasihati dato'-dato' lembaga dan Jawatankuasa terbabit dalam sebarang urusan adat, termasuk pertelingkahan mengenai tanah adat di kalangan anak-anak buah mereka.

Sebagai wilayah yang termasuk di bawah Luak Tanah Mengandung hubungan Luak Jempol dengan istana di Seri Menanti terjalin rapat. Semua orang Besar Waris (Pegawai 99) di luaknya dilantik dengan mendapat restu raja.

16. KUASA DATO' LEMBAGA

- 16.1 Masalah di dalam suku adalah tanggungjawab dato' lembaga yang tidak boleh diganggu oleh sesiapa pun. Penghulu Luak sekadar menasihati sekiranya berlaku masalah yang berpanjangan. Di sinilah letaknya kewibawaan seseorang dato' lembaga menyelesaikan segala masalah di dalam sukunya disamping menggunakan jasa baik setiap buapak.
- 16.2 Seseorang dato' lembaga yang tahu menggunakan diplomasi dalam menjalankan tugasnya tentulah sentiasa mengamalkan: Ibarat menarik rambut dalam tepung, rambutnya jangan putus,

tepung jangan berserak. Dengan cara inilah masalah yang dihadapi dapat diselesaikan mengikut perbilangan: Ibarat memukul ular, Ufarnya biar mati, kayu pemukul jangan patah, tanahnya jangan lembang.

16.3 Sebab itulah dato' lembaga perlu tahu menggunakan budi bicara, terutama mendapatkan sokongan tiap-tiap buapak dengan berpandukan: Ayam tambatan diberi makan, orang disuruh diberi upah. Bagaimanapun kuasa atau tugas dato' lembaga ini bolehlah dikategorikan sebagai berikut:

- (1) Mengadakan perbincangan atau perundingan dengan ketua-ketua adat seperti buapak, soko, tua waris (pembantu buapak) dan Orang Besar Waris (Pegawai 99). Mengambil berat kebajikan anak buah seperti kenduri kendara, kematian dan sebagainya. Menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh buapak, di samping menerima perlantikan buapak yang baru.
- (2) Menyelesaikan masalah tanah pesaka. Kuasa dan campur tangan dato' lembaga ini termaktub dalam enakmen tanah pesaka adat cap. 215 yang berbunyi:

"...seksyen 7(IV)enakmen dengan jelasnya menyatakan tiada apa-apa kepentingan atas tanah pesaka adat boleh dipindah milik, dicagar atau disewakan, melainkan mendapat kebenaran dari dato' lembaga suku yang berkenaan ..."

Dalam masalah perebutan tanah pesaka, dato' lembaga mempunyai kuasa untuk membahagikan tanah pesaka tersebut kepada orang yang berhak menerimanya. Di samping itu juga dato' lembaga mempunyai kuasa untuk membenarkan kerajaan memajukan tanah pesaka terbiar. Hal ini diputuskan dalam mesyuarat dato'-dato' pènghulu luak dan dato'-dato' lembaga dengan pegawai-pegawai kerajaan di daerah Kuala Pilah pada pertengahan tahun 1989.

- (3) Menyelesaikan adat istiadat bagi anak buah iaitu berkaitan dengan perkara yang dipanjangkan oleh buapak, soko atau tua waris (pembantu buapak) kepada dato' lembaga. Masalah tersebut seperti istiadat mas kahwin, berkadim (masuk suku), perbalahan suami isteri, perlakuan sumbang: Pelesit dua sekampung, nikah sewaris, pergaduhan hingga berlaku: Pecah berdarah, luka congek, dan sebagainya.

- (4) Menyelesaikan masalah sekampung di dalam masyarakat meskipun berlainan suku.
- (5) Bekerjasama dengan Jawatankuasa Masjid dan surau, bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), di samping bekerjasama dengan badan kebajikan di kampung-kampung dan di sekolah-sekolah.

17. TUGAS BUAPAK

- 17.1 Hubungan buapak dengan anak-anak buah menentukan pelaksanaan adat dapat dijalankan lebih sempurna. Di bahu buapak terletak mandat anak-anak buah kepada lembaga dan Penghulu luak seperti tempat tumpuan adat. Di bawahnya juga wujud kuasa 'soko' dan 'tua waris' (pembantu buapak) yang sentiasa bekerjasama seperti aur dengan tebing.
- 17.2 Dalam istiadat nikah kahwin anak buah, buapak menjadi penting mengikut aturan adat. Apabila berlaku risik duai, sebentuk cincin diserahkan oleh pihak lelaki kepada perempuan. Ibu bapa perempuan akan menunjukkan cincin tersebut setelah buapak, soko dan tua warisnya berkumpul bagi mendapatkan persetujuan.
- 17.3 Setelah mereka semua bersetuju menerima peminangan, cincin tersebut disimpan oleh ibu bapa gadis berkenaan. Mereka juga akan menetapkan tarikh sesuai untuk hari pertunangan dan melangsungkan perkahwinan mengikut kelapangan dua belah pihak; teruna dan gadis. Buapak, soko dan tua waris bertanggungjawab memastikan istiadat perkahwinan anak buahnya berjalan lancar.

18. ISTIADAT PENGKEBUMIAN

- 18.1 Semasa hidup ataupun di hari matinya seseorang Penghulu Luak ditetapkan mesti mendirikan adat, iaitu alat kebesaran sebagai Penghulu Luak perlulah di pasang. Oleh itu apabila seseorang Penghulu Luak meninggal dunia, alat kebesarannya juga mestilah dipasang sama seperti ketika beliau dilantik sebelumnya.

- 18.2 Tabir langit-langit dipasang di tempat membuat senduk-senduk dan permakamannya, sementara tepak sirih diletakkan di dalam Pantar sirih yang tersusun. Usungan jenazah diperbuat dua tingkat daripada batang pinang dikupas dan dibalut dengan kain putih dan hitam.
- 18.3 Semasa jenazah diusung ke kubur, Dato' Lela Raja akan memayungkan jenazah dengan duduk di tingkat bawah usungan. Lamat (tembakan) dilepaskan lapan das sebaik sahaja usungan bergerak ke kubur. Sementara itu duit adat (sebagai sedekah) yang dibungkus dengan daun dedap akan dibahagikan kepada ketua-ketua adat.
- 18.4 Jumlah duit adat tersebut bergantung kepada status atau kedudukan seseorang ketua adat berkenaan, iaitu:

KETUA ADAT	JUMLAH DUIT ADAT (\$)
1. Dato' Lela Raja	75 sen
2. Dato' Seri Amar Menteri	75 sen
3. Lembaga Tempat Semenda	75 sen
4. Lembaga yang lain	25 sen
5. Besar pesaka	25 sen
6. Buapak-buapak	25 sen
7. Pawang Negeri	25 sen
8. Imam Masjid	25 sen
9. Mudim	25 sen
10. Bidan	25 sen

- 18.5 Keadaan yang sama juga dilakukan kepada Dato' Lembaga yang meninggal dunia, dengan mendirikan adat juga iaitu memasang semua alat kebesaran. Hanya semasa diusung ke kubur, soko akan memayungkan mayat dengan duduk di atas usung. Wang adat juga disediakan dengan dibalut daun dedap dan diletakkan di dalam dulang yang bertudung hidang. Wang adat ini disediakan oleh buapak yang jumlahnya sama seperti Penghulu Luak juga. Bagaimanapun Penghulu Luak akan menerima wang adat sebanyak \$3.25
- 18.6 Ketika bergerak ke kubur, lamat (tembakan) akan dilepaskan empat das sahaja, yang membezakan kedudukannya dengan Penghulu Luak. Penghormatan yang diberikan kepada Dato' Lembaga hampir sama dengan Penghulu Luak juga menurut peraturan adat yang telah ditetapkan.

- 18.7 Bagaimanapun dalam hal kematian buapak, tidak perlu didirikan adat seperti ketika ianya dilantik. Oleh itu istiadat pengkebumian seseorang buapak sama juga dengan orang biasa. Di samping pengkebumian, di Luak Jempol ada juga istiadat 'menjemput' yang meliputi kalangan anak buah juga. Istiadat 'menjemput' dilakukan apabila seseorang suami itu kematian isterinya.
- 18.8 Dalam upacara perkahwinan biasanya pengantin lelaki akan dijemput oleh pihak perempuan. Apabila balik ke rumah pula akan dihantar beramai-ramai oleh sanak saudara, sahabat handai dan sebagainya. Atas sebab-sebab inilah apabila si suami kematian isteri, diadakan istiadat kaum keluarganya menjemput lelaki berkenaan balik semula ke rumah ibu bapa atau kaum kerabatnya.
- 18.9 Adat menjemput ini dilakukan pada hari ketiga selepas kematian isterinya, iaitu pada hari diadakan kenduri arwah. Sanak saudara si lelaki berkumpul di rumah 'soko' dan kemudiannya berarak beramai-ramai ke rumahnya dengan membawa bujam (tepak sirih), boko (pengenan dan wajik) dan lain-lain buah tangan. Keluarga isterinya pula menyediakan pakaian 'sepolulusan' yang diletakkan di dalam dulang dan ditutup dengan tudung saji.
- 18.10 Istiadat menjemput ini dijalankan oleh buapak pihak lelaki sebagai tanda anak buah daripada perutnya. Sekiranya lelaki berkenaan menyandang pesaka, keris bersama persalinan akan dibawa balik oleh buapak berkenaan sebagai tanda pesaknya balik semula kepada waris.
- 18.11 Alat-alat kebesaran tersebut akan disimpan oleh soko, sehingga dilantik orang baru sebagai penyandang pesaka. Sebenarnya tidaklah bermakna lelaki berkenaan terus meninggalkan anak-anak dan kerabat isterinya, sekalipun istilah adatnya beliau dijemput balik ke rumah keluarganya. Bagaimanapun kalau rumah yang ditinggalkan itu rumahnya daripada 'harta sepercaraan' atau 'harta pembawaan', rumah tersebut masih menjadi miliknya dan anak-anaknya.
- 18.12 Sebagai syarat sahaja lelaki yang dijemput itu akan turun dari rumahnya sehingga pintu pagar sahaja. Atau dia akan terus balik ke rumah kerabat yang menjemputnya, dan selepas itu boleh balik semula untuk tinggal bersama anak-anaknya di rumah berkenaan.

- 18.13 Sebaliknya kalau si isteri pula kematian suami, adat berkenaan tidak perlu dilakukan. Si isteri hanya dikehendaki memulangkan batang tubuh sepersalinan kepada ibu bapa atau soko suami. Sekiranya si suami itu penyandang pesaka, batang tubuh sepersalinan akan diletakkan di atas tudung saji yang diterlentangkan semasa istiadat melantik penggantinya.

19. PEMBAHAGIAN HARTA PESAKA

- 19.1 Ciri terpenting dalam adat perpatih ialah pembahagian harta pesaka secara adil, dengan menyerahkannya kepada anak perempuan. Harta pesaka yang dimaksudkan bukanlah 'pesaka' dalam adat iaitu gelaran dan kedudukan (yakni Penghulu Luak, dato' lembaga, buapak, orang besar waris, tua waris, soko dan sebagainya), tetapi ialah:
1. Tanah kampung (tanah untuk rumah)
 2. Sawah dan ladang
 3. Dusun buah-buahan
- 19.2 Meskipun tanah pesaka dimiliki oleh anak perempuan bukanlah bermakna hasilnya menjadi milik anak perempuan berkenaan. Anak lelaki juga berhak menikmati hasil mahsul daripada tanah pesaka tersebut. Pembahagian dengan memberi nama (atau geran) kepada anak perempuan bertujuan untuk memudahkan urusan dan pengendalian tanah itu.
- 19.3 Kewajaran memberi harta pesaka kepada anak perempuan atas dasar mereka daripada kalangan yang lemah. Dengan memberikan harta pesaka kepadanya tidaklah menjadi beban anak perempuan berkenaan mencari penghidupan, terutama apabila berlaku kematian ke atas suaminya. Mereka juga boleh tekun mengusahakan tanah pesaka tersebut kerana dia tidak akan merantau jauh seperti saudara-saudara lelakinya.
- 19.4 Anak lelaki biasanya setelah berkahwin akan meninggalkan kampung halaman berpindah ke kampung isterinya sebagai orang semenda. Bagi keselamatan anak-anak buahnya ini dato' lembaga bertanggungjawab mengawasi tanah adat supaya tidak diperlakukan dengan sewenang-wenangnya. Umpamanya mahu menebang pokok-pokok di dusun mestilah diberitahu kepada dato' lembaga tujuannya sama ada membawa manfaat atau sebaliknya.

- 19.5 Sekiranya sesuatu keluarga tidak mempunyai anak perempuan, maka harta pesaka tersebut jatuh kepada saudara perempuan yang terdekat atau dikembalikan warisnya. Dengan ini bermakna anak lelaki tidak digalakkan mendapat harta pesaka ibu bapanya (tanah adat) secara berhak milik (life occupants), tetapi masih berhak menikmati hasil mahsulnya.
- 19.6 Saudara perempuannya itu pula tidak boleh menghalang saudara lelaki mengambil hasil mahsulnya daripada tanah pesaknya asal sahaja bertujuan untuk dimakan, bukan untuk maksud berjual beli. Akibatnya berlaku juga masalah mengambil anak angkat perempuan apabila mereka tidak mempunyai anak perempuan sendiri.
- 19.7 Tujuan mengambil anak angkat perempuan bagi mengelakkan harta pesaka mereka jatuh ke tangan saudara perempuan yang terdekat. Masalah mementingkan nama dalam pembahagian harta pesaka ini disebabkan perubahan sosial yang dibawa oleh penjajah. Sebelum ini anak perempuan yang mewarisi harta pesaka tidaklah diberi geran menetapkan harta pesaka itu menjadi hak miliknya secara bertulis.
- 19.8 Apabila Inggeris campur tangan dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu mereka mengeluarkan geran bagi memudahkan urusan kutipan cukai dapat dibuat. Setelah hak milik tanah diberikan secara bergeran, anak perempuan yang mewarisi harta pesaka tidak lagi merujuk kepada dato' Lembaga, buapak malah saudara lelakinya dalam urusan yang bersangkutan dengan tanah pesakanya.
- 19.9 Kedatangan Inggeris juga menetapkan batu sempadan tiap-tiap tanah berkenaan, hingga tidak lagi diompok-ompok mengikut kuasa dato' lembaga atau buapak. Pengaruh penjajah ke atas tanah pesaka juga menimbulkan masalah di Minangkabau sendiri sehubungan pemberian harta pesaka dan adat perpatih.

20. ISTIADAT NIKAH KAHWIN

- 20.1 Dalam perkara nikah kahwin Luak Jempol masih mengamalkan dengan penuh adat istiadat. Masyarakat masih memelihara dengan baik adat istiadat yang dipesakai turun temurun itu. Bagaimanapun terdapat perbezaan wang adat di antara anak-anak ketua adat dengan anak-anak buahnya. Sekiranya seseorang anak dato' lembaga sama ada lelaki mahupun perempuan

berkahwin mestilah diisi adat anak buah dengan sepenuhnya dan ditambah lagi dengan adat lembaga iaitu sebanyak \$21.00

- 20.2 Urusan nikah kahwin akan dimulakan dengan peminangan setelah kedua belah pihak keluarga lelaki dan perempuan 'merisik-duai'. Kemudiannya dihantar 'cincin tanya' sebagai tanda bagi membolehkan keluarga perempuan memberitahu kerabatnya termasuk lembaga dan buapak. Semasa peminangan dilangsungkan diikat pula dengan janji;

Helah lelaki, luncur

Helah perempuan, ganda

Cacat-cida sawan-gila, diluar janji

- 20.3 Tidak banyak perbezaan di mana-manapun mengenai perkahwinan yang berlandaskan adat istiadat Melayu. Baik aturan meminang, mahupun majlis perkahwinan adat terikat kepada ciri-ciri istiadat perkahwinan orang Melayu juga. Bagaimanapun di Luak Jempol keistimewaan bagi pihak anak perempuan lembaga, buapak dan juga orang besar pesaka tetap diberikan.
- 20.4 Keistimewaan ini termasuklah mendapat dua bentuk cincin tanda, di samping tidak terikat dengan janji semasa pertunangan. Dengan ini mereka tidak menanggung 'luncur', tidak akan dibatalkan atau diputuskan pertunangan, dan tidak menanggung 'ganda' sekiranya berlaku 'helah perempuan'.
- 20.5 Terdapat juga perkahwinan yang dilangsungkan akibat 'sesalahan' atau berkhalwat. Kemungkinan berlaku disebabkan tidak mendapat restu kudas ibu bapa, setelah dijalankan peminangan. Atau disebabkan sikap anak-anak muda yang cuba mengubah sistem sosial orang Melayu menyekat kebebasan pergaulan di antara lelaki dan perempuan.
- 20.6 Ada dua perkahwinan dalam bentuk 'sesalahan' ini. Satu lagi disebut 'merumahan' iaitu dilakukan dengan menceroboh masuk. Misalnya seorang teruna sudah berkenan dengan seorang gadis, dan mereka dilamun cinta tetapi tidak mendapat restu keluarga si gadis. Oleh itu si teruna menceroboh masuk ke bilik gadis (biasanya mendapat dorongan dan bantuan gadis berkenaan) dan ditangkap basah.
- 20.7 Manakala 'sesalahan' pula apabila teruna dan dara (atau lelaki dan perempuan) bukan muhrim ditemui berdua-duaan di tempat

sunyi. Jalan penyelesaian dibuat ialah perundingan menikahkan mereka. Dalam 'sesalahan' ini pihak perempuan boleh menuntut adat sebanyak mana yang mereka mahu kerana perbilangan adat menyatakan:

- Orang merumah - hati berani senjata tajam
- Orang menyerah - boleh diterima boleh diturunkan
- Orang meminang - tanah berani
- Berani kerana lalu : Berani cepat berani lambat

- 20.8 Malah sekiranya berlaku 'bertepuk sebelah tangan' di pihak perempuan yang berkenaan dengan lelaki tetapi tidak diendahkan, maka si perempuan boleh juga mendapatkan lelaki berkenaan sama ada di rumah mahupun di tempat sunyi. Apabila kes itu dijadikan 'sesalahan' pihak lelaki hanya perlu membayar mas kahwin sahaja.
- 20.9 Tetapi cara ini tentulah dianggap 'perigi mencari timba'. Pihak lelaki yang diperangkap mungkin membayar mas kahwin itu, kemudian bertindak menceraikan perempuan berkenaan. Ini juga menimbulkan permasalahan kepada perempuan yang akan dikenali sebagai 'janda sekali kirai'
- 20.10 Disebabkan adat perpatih sudah ditegaskan: Adat bersendi hukum: hukum bersendi syarak (kitab Allah), maka masyarakat adat itu sendiri perlu menjaga kemurniaan pesaka turun temurun. Mereka yang beriman dan bertakwa tentu akan mengelakkan berlakunya pernikahan melalui 'merumahan' dan 'sesalahan' ini.

21. MAJLIS PERKAHWINAN

- 21.1 Kenduri kendar mengadakan majlis perkahwinan dikenali sebagai 'berolek'. Di masa lalu majlis perkahwinan diadakan di antara tiga hari hingga seminggu terutama di rumah dato'-dato' lembaga. Tetapi setelah Islam berkembang dan disesuaikan dengan zaman sekarang sikap membazirkan masa dan wang ini sudah ditinggalkan.
- 21.2 Majlis perkahwinan di rumah dato' lembaga akan dikendalikan oleh buapak, tua waris (pembantu buapak) dan orang besar waris (Pegawai 99) Istiadat dan peraturan majlis tidak jauh berbeza denan istiadat perkahwinan orang-orang Melayu di luak lain, mungkin cara perlaksanaannya sahaja berbeza. Selepas

berkahwin kedua pengantin baru akan mengunjungi rumah sanak saudara dengan membawa boko. Istiadat ini dikenali sebagai menyembah atau menyalang.

- 21.3 Menyembah atau menyalang: Boleh dilakukan bila-bila masa sahaja asalkan keluarga yang akan dikunjungi itu mempunyai kelapangan. Keluarga yang dikunjungi itu pula akan meletakkan wang sagu hati ketika memulangkan pinggan boko pengantin berkenaan.
- 21.4 Hari ketiga selepas majlis perkahwinan pasangan akan bertandang ke rumah keluarga lelaki. Kunjungan ini disebut: menyapu jejak. Istiadat ini adalah merupakan cara si suami memperkenalkan isterinya kepada kaum kerabat yang terdekat. Selepas ini saudara mara pengantin lelaki pula akan mengunjungi keluarga perempuan di rumah ibu bapa menantunya dalam istiadat yang dikenali sebagai 'berbisan'.
- 21.5 Adat istiadat yang berlangsung di Luak Jempol dalam masalah perkahwinan dan semenda menyemenda sama juga dengan di luak-luak lain yang berpegang kepada tradisi bangsa Melayu. Ini termasuk juga pantang larang di antara semenda dengan tempat semenda serta hak masing-masing. Daripada hubungan semenda menyemenda dan berkeluarga inilah masyarakat berkembang untuk sama-sama mendukung adat yang dipesakai turun temurun.





**COP MOHOR
PENGHULU LUAK JEMPOL**